



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
HAJI TUAN GHAZALI BIN TUAN LONG  
TOKOH GURU KELANTAN 2010

OLEH:

SITI FAZWANI BINTI ALI MOHAMMAD  
2012754567

WAN NORHAFIZAH BINTI WAN SEMAN  
2012930891

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

TRANSKRIP WA WANCARA BERSAMA  
HAJI TUAN GHAZALI BIN TUAN LONG  
TOKOH GURU KELANTAN 2010

OLEH:

SITI FAZWANI BINTI ALI MOHAMMAD  
2012754567  
WAN NORHAFIZAH BINTI WAN SEMAN  
2012930891

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

# **PENGHARGAAN**

## Penghargaan

Assalamualaikum Wbt. Alhamdulillah, terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kami akhirnya dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Kami tidak dapat menafikan bahawa berbagai kekangan dan halangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran dan pertolongan-Nya, kami dapat mengatasi masalah yang berlaku.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah kami untuk subjek IMR604 - Oral Documentation (Pendokumentasi Lisan), Puan Nor Kamariah bt Chik yang telah mencurahkan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini.

Tidak lupa juga kepada Haji Tuan Ghazali Bin Tuan Long, tokoh yang kami hormati, setinggi-tinggi ucapan terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama dan perkongsian ilmu yang sangat bermakna buat kami. Tokoh telah banyak membantu kami dengan memberi informasi mengenai beliau. Tanpa beliau, kami tidak mungkin dapat menghasilkan transkrip yang begitu lengkap dan bernilai ini.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan tunjuk ajar dan dorongan sepanjang proses menghasilkan projek transkrip temubual ini.

# ISI KANDUNGAN

TITLE	PAGE NO
Abstrak.....	i-ii
Biodata Tokoh.....	iii-iv
Pengenalan.....	v-xii
Transkrip	
Bahagian A: Latar belakang tokoh.....	1-10
Bahagian B: Dari segi pendidikan.....	11-17
Bahagian C: Dari segi kerjaya.....	17-36
Bahagian D: Bahagian pencapaian.....	37-50
Bahagian E: Bahagian sumbangan.....	50-54
Senarai Soalan.....	55-62
Log Temubual.....	63-67
Indeks.....	68-70
Rujukan.....	71-72
Lampiran.....	73-75
Surat Perjanjian	
Senarai Soalan	
Gambar	

# **ABSTRAK**

## Abstrak

**Abstrak:** *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Haji Tuan Ghazali Bin Tuan Long mengenai kerjaya beliau dalam bidang perguruan. Transkrip temubual ini dijalankan di pejabat Haji Tuan Ghazali Bin Tuan Long sendiri beralamat Rumah Amal Tg Muhd Faris Petra, Jln Mahmood, 15200 Kota Bharu, Kelantan pada 10 April 2014 bermula jam 10.00 pagi. Beliau adalah salah seorang tokoh guru pesara yang berkhidmat selama 34 tahun. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang dan juga kehidupan beliau di zaman sebelum merdeka selain daripada mengenai bidang kerjaya beliau. Temubual ini lebih tertumpu kepada bidang kerjaya beliau sebagai seorang guru, tempat-tempat yang telah beliau berkhidmat dan juga cabaran yang beliau lalui sepanjang berkhidmat sebagai seorang guru. Selain itu beliau juga memberi sedikit pandangan mengenai perbezaan sistem pendidikan pada zaman dahulu dan masa kini.*

**Kata kunci:** *Haji Tuan Ghazali Bin Tuan Long, bidang perguruan, pesara guru.*

# **BIODATA TOKOH**



## Biodata Tokoh



1.	<b>Nama Penuh</b>	:	Haji Tuan Ghazali Bin Tuan Long
2.	<b>Alamat</b>	:	Lot 255 Kg Air Dingin Tumpat, Kelantan
3.	<b>Kelahiran</b>	:	20 April 1952
4.	<b>Jantina</b>	:	Lelaki
5.	<b>Bangsa</b>	:	Melayu
6.	<b>Agama</b>	:	Islam
7.	<b>Pendidikan (Rendah, Menengah, Tinggi)</b>	:	Sekolah Kebangsaan Tasek Pauh, Pasir Puteh Sekolah Menengah Bukit Jawa Pasir Puteh Sekolah Menengah Kamil Pasir Puteh Sekolah Menengah Ismail Petra Kota Bharu Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim Johor Bharu
8.	<b>Keluarga</b>	:	Isteri – Tuan Habshah Binti Tuan Daud Adik-beradik - 5 orang Anak - 5 orang
9.	<b>Hobi</b>	:	Bercucuk-tanam
10.	<b>Kerjaya</b>	:	Pesara Guru / Naib Pengerusi Bulan Sabit Merah Kelantan

# PENGENALAN

## Pengenalan

Sesungguhnya para pendidik hari ini telah memainkan peranan penting di dalam merealisasikan aspirasi negara dalam mewujudkan perpaduan kaum. Pendidik pada hari ini telah membuktikan bahawa mereka telah mengimbangkan kewujudan integrasi nasional yang menjamin keamanan dan kesejahteraan negara. Guru adalah merupakan ejen kepada keberkesanan pendidikan. Kejayaan dan keberkesanan para guru terhadap tanggungjawab, kelengkapan, keilmuan dan keluhuran peribadi. Pendidik dari kaca mata Islam merupakan murabbi, muallim, muaddib, alim atau ulamak. Mereka berfungsi bukan sahaja untuk memberi kesedaran pada diri sendiri malah juga masyarakat serta tentang hubungan, komitmen dan hubungannya dengan Allah. Perpaduan kaum dapat dicapai sekiranya guru menerapkan nilai-nilai murni seperti saling menghormati antara satu sama lain tidak mengira bangsa dan agama.

Sejarah tidak pernah menipu manusia dan sejarah telah membuktikan betapa golongan pendidik memainkan peranan yang penting dalam menentukan jatuh bangunnya sesebuah bangsa dan negara. Masyarakat ketika itu menjadikan guru sebagai idola dan pakar rujuk dalam segala hal. Kalau dulu guru terpaksa berhadapan dengan pihak penjajah secara terang-terangan, kini, jajahannya diterjemahkan dalam bentuk yang lain pula iaitu lebih mencabar lagi kerana ia melibatkan jajahan pemikiran, budaya dan jati diri yang perlu dihadapi secara professional dan kreatif. Kedudukan perguruan sebagai satu profesion di dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan turut juga dipenuhi dengan cabaran-cabaran. Para pendidik telah memperkatakan mengenai profesion perguruan dari masa ke semasa. Sebelum merdeka lagi sudah ada perbincangan mengenai perkara ini iaitu sebelum Universiti Malaya hendak ditubuhkan di Singapura (1949) terdapat satu symposium mengenai 'Pendidikan Universiti dan Laporan Carr-Saunders'. Di dalam symposium tersebut perbincangan mengenai peranan universiti dan kedudukan profesion perguruan

turut diadakan ( Lim Tay Boh 1948). Di antara perkara pokok yang dibangkitkan ialah keperluan guru-guru sekolah menengah untuk mendapat pendidikan tinggi supaya murid-murid yang bakal dididik nanti akan mempunyai mutu pendidikan yang baik. Pendidikan guru yang tinggi dan usaha melahirkan generasi muda yang baik merupakan cabaran yang kuat di dalam profesion perguruan bukan pada zaman dahulu sahaja tetapi juga masa kini.

### **Konsep Profesion dan nilaitaranya**

Sesuatu profesion yang sebenar adalah sesuatu bidang yang mempunyai ciri-ciri seperti kepentingan kemahiran intelek, latihan iktisas yang mencukupi, khidmat yang diperlu masyarakat, menikmati otonomi individu dan kumpulan, mementingkan mutu perkhidmatan, mempunyai tatasusila perkhidmatan atau kod etika dan mempunyai organisasi tersendiri untuk menguruskan soal-soal yang berkaitan dengan pendidikan (Lieberman 1956). Menurut Kamus Dewan 'profesion' ialah suatu bidang pekerjaan khasnya yang memerlukan pendidikan dan kecekapan serta kemahiran yang tinggi dan latihan yang khas.( contohnya : perundangan, perubatan, perguruan dan lain-lain.) Berdasarkan ciri-ciri profesion, Mok Soon Sang ( 1996 ) merumuskan secara ringkas konsep profesionalisme sebagai:

- 1) Suatu pekerjaan yang khusus dan dijalankan oleh orang yang mempunyai kelulusan dan latihan iktisas yang cukup bermutu, bersikap jujur, dedikasi, bertanggungjawab dan bermoral tinggi, mempunyai outonomi bertugas serta mematuhi kod etika yang ditentukan oleh organisasinya. Di negara kita perguruan ini lebih mirip kepada pekerjaan (vocation) daripada profesion ( Awang Had Salleh 1980).

Nilaitara-nilaitara sesuatu profesion merupakan peraturan yang ditetapkan oleh organisasi supaya setiap ahli profesional akan mematuhi, demi mengawal kualiti dan nilaitara perkhidmatan tersebut .Nilaitara ini menjadi garis panduan dalam usaha memastikan tingkahlaku dipatuhi oleh setiap ahlinya.

## **Aspek Keguruan Dianggap Sebagai Satu Profesion**

- 1) Pengetahuan atau kemahiran yang diperolehi melalui pembelajaran teori dan latihan amali dalam sesuatu tempoh masa yang panjang.

Sebelum seseorang itu menjadi guru, dia perlu menerima latihan dalam perguruan untuk menjadi seorang guru yang bertauliah. Umpananya, seorang guru mesti mempunyai Sijil Perguruan atau Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia sebelum dia boleh mengajar di sekolah kerajaan. Walaubagaimanapun, samada seseorang guru itu menerima latihan perguruan atau tidak, dia mesti mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang mata pelajaran yang hendak diajarnya. Guru juga mesti mengetahui keadah atau cara penyampaian dalam pengajarannya supaya murid-murid dapat memahami apa yang disampaikan olehnya.

Di samping itu, guru haruslah mempunyai sahsiah yang baik dan dapat dihormati serta dicontohi oleh murid. Sahsiah ini termasuklah tingkah laku dan sikap yang elok, bersabar, bermurah hati dan sentiasa bersifat tenang. Kebanyakan kualiti kecerdasan dan sahsiah guru adalah hasil daripada latihan yang membolehkan seseorang guru menguruskan pengajarannya dengan berkesan. Latihan itu termasuklah kefahaman terhadap sifat kejasmanian dan sifat psikologi kanak-kanak serta teori penyampaian pelajaran. Selain tugas dalam bilik darjah, guru juga mempunyai peranan-peranan lain yang diharapkan oleh masyarakat. Misalnya guru diharapkan menjadi pengganti ibubapa, menjadi penasihat dan pembimbing di dalam pembentukan sahsiah murid, menjadi kaunselor kepada murid-murid, menjadi pengamal dan penyebar nilai kebudayaan yang elok dan seterusnya menjadi contoh sahsiah yang baik kepada masyarakat.

## 2) Mempertingkatkan Profesionalisme

Sebagai seorang pendidik yang bertanggungjawab, guru hari ini perlu menyedari bahawa tugas dan amanah yang diberikan itu adalah untuk mendidik generasi yang akan menerajui negara ini. Oleh itu kemahiran dan pengetahuan mengenai method-method pendidikan harus diperkembangkan dari semasa ke semasa . Untuk mendepani cabaran dan tuntutan daripada perubahan-perubahan kurikulum berkenaan, guru hendaklah berusaha melengkapkan diri dengan strategi-strategi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik. Sehubungan dengan kehendak tersebut guru harus mengikuti kursus-kursus pendidikan yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan , Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah. Contohnya para guru boleh mengikuti Kursus Dalam Perkhidmatan ataupun Kursus Peningkatan Profesionalisme Keguruan.Kursus-kursus pendidikan yang dihadiri penting bagi seseorang guru untuk mempertingkatkan keupayaan dan prestasi dalam profesion pendidikan yang kian mencabar dan kompleks ini. Memandangkan keperluan pendidikan untuk menyokong usaha-usaha kerajaan, maka profesion keguruan diharapkan dapat membuat anjakan paradigma kepada budaya yang berasaskan ilmu dan pemikiran( Rohani Abdul Hamid,1998)

## 3) Berupaya Membuat Keputusan dan Menyelesaikan Masalah Serta Berfikiran Kritis dan Kreatif

Profesion keguruan sememangnya bidang kerjaya yang bukan sahaja mengajar atau mendidik anak bangsa, malah lebih daripada itu. Individu yang terlibat dalam profesion keguruan sebenarnya akan terlibat sebagai pentadbir, pengurus, perancang, pelaksana, penilai, penyelia, pengawal dan sebagainya. Sebagai pentadbir ataupun pengurus, guru harus boleh membuat sesuatu keputusan dalam melaksanakan sesuatu tindakan dan menilai semula hasil sesuatu perkara yang dijalankan. Perubahan-perubahan dalam kurikulum pendidikan juga memerlukan guru untuk menguasai kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Pendekatan

ini bukan sahaja perlu digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, tetapi jika perlu keadah berfikir secara kritis dan kreatif boleh diaplikasikan dalam pentadbiran, mengurus ataupun dalam perancangan sesuatu program.

#### 4) Mahir Menggunakan IT

Bidang pendidikan sentiasa berkembang dan mengalami perubahan mengikut tuntutan zaman, perkembangan pesat percantuman teknologi-teknologi telekomunikasi dan internet serta globalisasi dunia telah banyak membawa banyak cabaran kepada kita. Kita tidak dapat menyangkal betapa cepatnya IT merubah dunia pembelajaran umpamanya muncul pembelajaran melalui 'online'. Para guru pada hari ini telah bersikap produktif, proaktif dan responsive terhadap perkembangan kecanggihan teknologi yang telah banyak mengajar anak bangsa kita supaya menjadi satu bangsa yang maju. Ilmu dan kemahiran dalam teknologi info-komunikasi yang dikuasai guru dapat digunakan sebagai pemangkin kearah menghasilkan pendidikan yang cemerlang dan berkualiti. Sebagai pemangkin, guru menggunakan teknologi info-komunikasi bukan hanya untuk menyampaikan ilmu di dunia semata-mata tetapi juga untuk meraih kepentingan ilmu akhirat kerana pendidikan berkualiti hanya akan dapat dicapai melalui keseimbangan dalam kedua-dua ilmu tersebut.

Hasrat Malaysia untuk menjadi negara maju pada tahun 2020, menyebabkan pembangunan negara bergerak dengan rancak. Pelbagai usaha dijalankan oleh kerajaan untuk membangunkan teknologi maklumat seperti koridor raya multimedia [multimedia super corridor (MSC)] yang menjadi pusat telekomunikasi dan penyiaran serantau dan antarabangsa. Hal yang sama juga berlaku dalam kurikulum pendidikan di negara ini, komputer telah dijadikan sebagai satu kurikulum di sekolah. Penubuhan sekolah bestari yang berteraskan penggunaan komputer merupakan salah satu bentuk kurikulum yang memerlukan profesion keguruan tahu dan menguasai teknologi maklumat. Penggunaan

komputer dalam pendidikan membawa satu reformasi serta perkembangan baru dalam pelbagai bidang pendidikan, khususnya dalam teknologi pendidikan, teori pendidikan, teori-teori pengajaran-pembelajaran, pengurusan sekolah, sistem pentadbiran pendidikan serta kemahiran dan latihan guru (Mok Soon Sang, 1996). Dalam era teknologi maklumat seperti sekarang, kita berhadapan dengan pelbagai peralatan elektronik dalam kehidupan harian, malah kemudahan teknologi telah menjadi satu cara hidup seperti penggunaan pengangkutan berasaskan teknologi (LRT), perkhidmatan bank (kad ATM), telekomunikasi (telefon bimbit), hiburan (Video, VCD) dan lain-lain. Jadi rakyat negara ini harus dapat menangani kehidupan di era teknologi maklumat sehingga teknologi itu menjadi sebahagian daripada amalan biasa tanpa disedari. Oleh itu, profesion keguruan harus memperluaskan diri secara global dalam perkembangan penggunaan teknologi maklumat dalam kurikulum di sekolah.

#### 5) Berpengetahuan dan Berdaya Fikir Serta Berakhlak

Seseorang guru dalam profesion keguruan ini perlu serba tahu. Guru diharapkan dapat membawa isu-isu semasa untuk perbincangan dan mencari penyelesaiannya bersama-sama pelajar di dalam kelas. Contohnya, di Malaysia kadar kemalangan jalan raya adalah tinggi, pendidikan memandu kereta adalah satu perkara yang dipandang serius oleh kerajaan pada masa ini. Keselamatan di jalan raya dan cara-cara memandu yang selamat dan bertimbang rasa boleh dibincangkan di dalam kelas untuk menyedarkan pelajar tentang keperluan memperbaiki situasi yang terdapat sekarang, dengan harapan mereka tidak akan berkelakuan sedemikian apabila mereka menjadi pemandu kelak. Melalui pembacaan guru dapat menambah ilmu pengetahuan mengenai isu-isu semasa, sama ada yang berkaitan dengan kekeluargaan dan komuniti, jenayah : seperti peras ugut, pecah rumah, penculikan dan seumpamanya ; ekonomi : urusan perniagaan, jual-beli saham, hartanah dan sebagainya ; politik : hubungan negara di peringkat antarabangsa dan juga pergolakan politik sesebuah negara. Dalam hal seperti ini, guru diharapkan dapat menggunakan kebijaksanaan dan inisiatif



sendiri dalam menggunakan isu-isu semasa untuk dikaji dan dibincangkan dengan pelajar. Dalam perubahan-perubahan sistem pendidikan yang semakin mencabar ini, profesion keguruan juga perlu menyediakan diri dengan amalan nilai dan akhlak yang terpuji.

Dalam kurikulum pendidikan peringkat rendah dan menengah telah ditegaskan nilai-nilai murni perlu diterapkan dalam pengajaran. Pelaksanaan penerapan nilai penting untuk menyediakan para pelajar menjadi warga yang berguna kepada negara pada masa hadapan. Hal yang sama juga perlu dihayati oleh guru. Enam belas nilai murni yang disarankan dalam kurikulum pendidikan perlu dimiliki oleh guru terlebih dahulu.

## **Penutup**

Sistem pendidikan di negara ini akan sentiasa bergerak maju ke hadapan. Perubahan-perubahan yang dilakukan dalam kurikulum pendidikan adalah untuk memenuhi kehendak negara merealisasikan sebuah negara maju pada masa hadapan. Setiap perubahan-perubahan dalam kurikulum pendidikan yang diperkenalkan menjadi satu bentuk cabaran dalam profesion keguruan. Oleh itu adalah mustahak bagi individu yang berkecimpung dalam bidang ini sentiasa berusaha mempertingkatkan kecekapan, kebolehan prestasi dari semasa ke semasa. Jika hal ini wujud, barulah tuntutan-tuntutan dalam perubahan kurikulum itu dapat ditangani. Namun kini sejauh mana kita mengiktiraf dan memartabatkan perguruan sebagai satu profesion adalah bergantung kepada anggapan masyarakat, ini kerana masih ada lagi yang menganggap profesion perguruan sebagai kelas kedua. Menurut Dr. Muhamad Hasan Abdul Rahman iaitu Timbalan Dekan Pelajar dan Pembangunan, Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM) beliau menegaskan dalam usaha untuk memartabatkan profesion perguruan selain daripada peranan pihak Kementerian Pendidikan, Persatuan Perguruan dan masyarakat, para guru sebenarnya mempunyai tanggungjawab yang besar dalam meningkatkan aspek keprofesionalannya dengan melengkapkan diri dengan pelbagai jenis ilmu dan kemahiran yang tinggi.

# TRANSKRIP

# Transkrip

## BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

**Petunjuk:**

**WNH: Wan Norhafizah Binti Wan Seman**

**TGTL: Haji Tuan Ghazali Bin Tuan Long**

**WNH : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Encik Haji Tuan Ghazali.**

**TGTL : Walaikumussalam.**

**WNH Terima kasih kerana sudi di temubual oleh kami, saya Wan Norhafizah Binti Wan Seman bersama rakan saya Siti Fazwani ingin menemubual Encik Haji Tuan Ghazali. Sebelum saya temubual (batuk) bolehkah saya bahasakan Encik Haji Tuan Ghazali sebagai Tok Ku?**

**TGTL : Pok Ku.**

**WNH : Pok Ku. *Okay* [baiklah] Pok Ku, sebagai permulaan saya akan bertanyakan serba sedikit mengenai diri Pok Ku, sebelum meneruskan soalan pendidikan, kerjaya dan sebagainya. *Okay* [baiklah] kita mulakan dengan nama penuh Tok, Pok Ku. Apakah nama penuh Pok Ku?**

TGTL : Saya Tuan Ghazali Bin Tuan Long. (batuk). Saya, nama saya Tuan Ghazali Bin Tuan Long. Umur sekarangnya *enam puluh dua* [62] tahun lah sekarang.

**WNH : Dimanakah Pok Ku dilahirkan?**

TGTL : Saya dilahirkan di Kampung Tasek, Pasir Puteh, Kelantan.

**WNH : Siapakah yang tinggal bersama Pok Ku sekarang *ni* [ini]?**

TGTL : Sekarang *ni* [ini] saya, saya isteri saya dan anak, anak saya lah, anak lelaki saya berada di rumah sekali, yang lain *tu* [itu] sedang belajar, dan yang sulung sudah pun berkahwin dan tinggal bersama suaminya.

**WNH : Apakah nama penuh isteri Pok Ku?**

TGTL : Nama isteri saya Tuan Habsah Binti Haji Tuan Daud. Juga seorang guru di Sekolah Menengah Tumpat. Ustazah.

**WNH : Ustazah. SMK Tumpat?**

TGTL : SMK Tumpat dan mengajar Bahasa Arab.

**WNH : Bahasa Arab. Pada tahun berapakah Pok Ku dan isteri berkahwin?**

TGTL : Saya berkawin pada tahun *sembilan belas lapan puluh tiga* [1983], *lapan puluh tiga* [1983].

**WNH : Bolehkah Pok Ku beritahu nama ibu dan ayah Pok Ku?**

TGTL : Nama ayah saya, Tuan Long Bin Tuan Ngah, (bunyi mesin) tapi dia meninggal dunia sebelum sempat saya mengenal wajahnya lagi, jadi saya rasa semasa umur dua tahun, saya rasa, dan ibu saya meninggal dunia pada saya, semasa saya berada di tingkatan lima, di Sekolah Menengah Kamil, Pasir Puteh.

**WNH : Pasir Puteh. Ibu dan ayah Pok Ku berasal daripada mana?**

TGTL : *Jugak* (Juga) di Pasir Puteh.

**WNH : Di Pasir Puteh. Adakah mereka berasal dari kampung itu sejak dari awal? Atau berpindah ke?**

TGTL : Ibu dan ayah berasal di Kampung Pasir Puteh hanya saya *saja* [sahaja] yang berpindah ke Jajahan Tumpat.

**WNH : Jajahan Tumpat. Sebelum ini apakah pekerjaan ibu dan ayah Pok Ku?**

TGTL : Saya, ayah saya *tak* [tidak] tahu kerja apa, dia orang, orang kampung biasa *saja* [sahaja], ibu saya *jugak* [juga] apa nama *ni* [ini] guru Quran di Kampung Pasir Puteh, dia mengajar Al-Quran.

**WNH : Budak-budak di kampung?**

TGTL : Di Kampung.

**WNH : Berapakah bilangan adik beradik Pok Ku?**

TGTL : Adik beradik lima orang dan dua sudah meninggal dunia dan masih ada tiga lagi.

**WNH : Masih ada tiga. Pok Ku anak yang ke berapa daripada---**

TGTL : Anak bongsu.

**WNH : Anak Bongsu. Bolehkah Pok Ku ceritakan lebih lanjut mengenai adik-beradik Pok Ku---**

TGTL : Adik-beradik saya yang sulung.

**WNH : Nama dia?**

TGTL : Tuan Ismail bin Tuan Long dia adalah *jugak* [juga] pelajar dari pondok *dulu* [dahulu] dan menjadi *pas tu* [lepas itu] dia menjadi orang kampung biasa lah, pekerja kampung sebagai tukang rumah, tukang rumah dia semua *buleh* [boleh], tukang jahit pun *buleh* [boleh], tukang urut pun *buleh* [boleh].

**WNH : (bunyi ketawa) Serbaguna.**

TGTL : *Hor* [ya]. Kakak saya yang kedua, *jugak* [juga] suri rumah, dekat kampung lah. Kemudian, kakak saya yang nombor tiga *jugak* [juga] orang kampung biasa *jugak* [juga]. Abang saya yang ke empat sebelum saya yang ke empat itu *jugak* [juga] apa *ni* [ini] sekarang *ni* [ini] sedang ada restoran jual-jual makanan.

**WNH : Ada restoran kedai, *kat* [dekat] mana?**

TGTL : Kedai makan *kat* [dekat] di Kampung Pasir Puteh.

**WNH : *Kat* [dekat] Kampung Pasir Puteh.**

TGTL : Hanya saya *saja* [sahaja] yang tinggal, bekerja kerajaan saya *sorang saja* [seorang sahaja].

**WNH : *Duk* [duduk] jauh?**

TGTL : Bekerja kerajaan, hanya saya *sorang saja* [seorang sahaja], dan menjadi guru. Lain daripada semua orang.

**WNH : Berapakah bilangan anak Pok Ku?**

TGTL : Saya, anak saya lima. Yang sulung perempuan. Apa nama *ni* [ini] lepasan *MA* [Master of Arts] (bunyi kereta) daripada *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] Bahasa Inggeris dan juga pelajar terbaik *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa], (bunyi kereta) terbaik Bahasa Inggeris dan mendapat anugerah pelajar cemerlang Bahasa Inggeris, dapat mengalahkan bangsa-bangsa lain, hebat. Tapi dia (ketawa) dia keluar saja apa nama *ni* [ini] adalah--- Menjadi pensyarah di *UNITAR* [Universtit Tun Abdul Razak] dua tahun dan kemudian buat *MA* [Master of Arts] dan sekarang *ni* [ini] berhenti, meniaga. Tapi bukan di bidang Bahasa Inggeris. Meniaga dia buat bekam.

**WNH : Berbekam?**

TGTL : *Hor* [ya]. Bekam. Berbekam ambil darah\_\_ dan dia minat untuk berniaga, dia buat bekam, dia buat rawatan resdung dan kemudian *jugak* [juga] berniaga *online* [laman sesawang atas talian] jual tudung jual apa-apa, dia *tak* [tidak] mahu bekerja dalam bidang kerajaan.

**WNH : Dalam bukan bidang dia?**

TGTL : *Hor* [ya] dalam bukan bidang dia, Kemudian anak saya yang kedua, salah seorang anak saya *laki-laki* [lelaki] dan saya latih dia juga untuk meniaga, saya *tak* [tidak] mahu dia bekerja kerajaan. Jadi dia buat luar kampus di universiti *jugak* [juga], tetapi dia sudah berniaga, tapi dia berniaga air jus jambu. Dia buka kedai *printing* [mencetak] di Tumpat, *Jambo Printing* [mencetak]. *J.A.M.B.O.O* (sambil mengeja) printing di Tumpat. Dia dah sewa gudang tiga lapis, dia buat, dia buat apa nama *ni* [ini]--- maknanya *In sha Allah* (dengan diizinkan Allah) saya berdoakan supaya dia berjaya. Saya *nak* [hendak] tengok anak saya berniaga\_\_\_\_ lebih baik berniaga. (bunyi lori)

**WNH : Berniaga pendapatan tinggi sedikit, berbanding bekerja kerajaan gaji statik setiap bulan. Lepas itu, adakah semua sudah berumah tangga?**

TGTL : Seorang sahaja yang berumah tangga yang sulung, yang perempuan, yang berniaga dan suaminya bekerja *engineer* [jurutera] pelantar minyak di Laut Terengganu, Petronas.



**WNH : Dimanakah mereka semua tinggal?**

TGTL : Sekarang *ni* [ini], yang tinggal dirumah saya juga semasa suami dia, apa nama *ni* [ini], turun ke laut dia duduk dirumah, kalau suami dia balik, dia ada rumah sendiri *dah* [sudah] dia buat\_\_.

**WNH : Berapakah bilangan cucu Pok Ku?**

TGTL : Belum ada cucu lagi. Jadi, anak saya yang ketiga *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] di Melaka *last* [akhir] tahun ini. Kemudian yang ke empat *duk* [duduk] *kat* [dekat] *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa], *jugak* [juga] *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa] buat *literature* [kesusteraan] Bahasa Inggeris *jugak* [juga], ikut kakak dia *tu* [itu], jugak pandai Bahasa Inggeris. Saya *tak* [tidak] tahu macam mana. Saya *tak* [tidak] pandai, dia pandai. Dia hebat sikit, sebabnya sejak masuk di tingkatan empat tingkatan lima pun di Tumpat lepas tingkatan lima, cikgu-cikgu yang belajar luar kampus universiti Bahasa Inggeris, dia yang buat *essay* [karangan], upah, cikgu upah dia (ketawa). Bagus dia. Jadi kemudian yang bongsu saya, sekarang *ni* [ini], duduk di Tahfiz Sains *apo namo ni* [apa nama ini] di Tanah Merah, di tingkatan empat sekarang, dia baru lepas periksa baru ini, dapat 8A1B, Bahasa Arab *problem* [masalah] dia belajar, *miss* [kurang pandai] Bahasa Arab.

**WNH : Okay [baiklah], seterusnya, bolehkah Pok Ku ceritakan mengenai kehidupan Pok Ku di zaman kanak-kanak?**

TGTL : Saya di zaman kanak-kanak (sambil berdehem) *apo namo ni* [apa nama ini] belajar di sekolah kebangsaan di kampung (bunyi kereta) kemudian pergi ke

Sekolah Menengah Bukit Jawa kemudian pergi ke Sekolah Menengah Kamil, Pasir Putih dan saya memang sejak sekolah mana-mana saya aktif lah, aktif dan termasuk golongan pelajar terbaik masa dulu lah, di sekolah rendah saya (bunyi hon motosikal) memang saya dari darjah satu hingga darjah enam memang nombor satu *straight* [berterusan] sampai darjah enam, masuk sekolah menengah *top student* [pelajar cemerlang] saya belajar dan saya juga aktif dalam *apo namo ni* [apa nama ini] persatuan, saya buat *apo ni* [apa ini] masuk kelab lawak, saya tubuh. Kelab lawak semasa tingkatan dua lagi dan saya masuk pertandingan lawak jenaka, johan. Masuk pertandingan sajak.

**WNH :** **Antara sekolah-sekolah?**

TGTL : *Hor* [ya] saya wakil daerah masa dulu kerana sajak. Masa dululah pergi sekolah menengah di Kamil tingkatan empat lima, saya juga aktif dalam pasukan beruniform, saya masuk Kadet Tentera masa dulu. Masa dulu *tak dak* [tidak ada] Kadet Polis *tak dak* [tidak ada]\_\_ \_\_ hanya satu sahaja iaitu Kadet Tentera, pakaian diberi percuma oleh kerajaan. Belajar menembak\_\_ \_\_ hebat masa dulu, jadi sampai sekarang saya dilatih dalam keadaan disiplin, tentera bagus\_\_ \_\_ saya berjanji *ngan* [dengan] adik *kul* [pukul] sepuluh, saya mesti sampai sebelum pukul sepuluh\_\_ \_\_ saya sampai sekarang kekal dengan disiplin masa, pasal tentera berpegang pada masa, *kalu* [kalau] tengok pukul sembilan telefon, tengok awal sangat *ni* [ini] (ketawa) masa memang saya *amek* [ambil] berat, pasal saya sejak pada sekolah lagi saya Kadet Tentera dan *apo namo ni* [apa nama ini] bila saya masuk di maktab *tak dak* [tidak ada] Kadet Tentera dan saya masuk *apo namo ni* [apa nama ini] Bulan Sabit Merah

dan saya pegang, masih lagi menjadi Naib Pengerusi *BSM* [Bulan Sabit Merah] Kelantan.

**WNH : Semasa kecil dulu apakah cita-cita Pok Ku?**

TGTL : Saya yang pertama, saya *nak* [hendak] jadi wakil rakyat, apa *ni* [ini], tentera, pembantu tentera, yang kedua wakil rakyat yang ketiga guru, *tu* [itu] cita-cita saya, saya ingat lagi *tu* [itu] tentera *apo namo ni* [apa nama ini] wakil rakyat, guru, tapi yang ketiga dapat. Tentera saya dah cuba lepas saya tingkatan empat, tingkatan lima saya masuk Kadet Tentera di Sungai Besi masa dulu dan lulus, tapi rupanya saya ada penyakit masa *tu tak* [itu tidak] lulus ada penyakit, saya latihan tentera cukup kerana saya sudah masuk kadet memang dia *nak* [hendak] dan *apo namo ni* [apa nama ini] enam yang pergi temuduga, dua ditolak empat dapat, saya *member* [kawan] empat sahabat saya dapat, saya yang terkeluar, *tak* [tidak] dapat tentera. Akhirnya saya dapat cikgu. Wakil rakyat pun saya hampir-hampir dapat sebenarnya, setelah dicalon oleh *apo namo ni* [apa nama ini] oleh orang politik lah di Tumpat *tu* [itu], tapi saya tolak (bunyi kereta)\_\_\_\_\_.

**WNH : Semasa yang *interview* [temuduga] tentera *tu* [itu] ada sakit apa?**

TGTL : Saya sakit uluran *maso tu* [masa itu]. Tak *pass* [tidak lulus] situ.

**TAMAT BAHAGIAN A**

## **BAHAGIAN B: DARI SEGI PENDIDIKAN**

**WNH : Dari segi pendidikan pula, dimanakah Pok Ku mendapat pendidikan di awal persekolahan dulu?**

TGTL : Pertama di Sekolah Kebangsaan Pasir Pauh, kemudian Sekolah Menengah Bukit Jawa, Sekolah Menengah Kamil dan enam di Sekolah Menengah Ismail Petra di Kota Bharu kemudian saya, *apo namo ni* [apa nama ini] sebelum masuk *tak* [tidak] masuk universiti mula-mula *tu* [itu] pergi ke Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Bharu. Masa saya tahun kedua di Maktab Perguruan saya boleh masuk universiti balik tapi saya kena tolak, *maso tu* [masa itu] saya kena bayar Maktab Perguruan kena bayar berapa ribu, saya *tak dak* [tidak ada] duit saya *tak* [tidak] masuk pergi universiti dan lepas Maktab Perguruan barulah mengajar di sekolah pertama saya di Sekolah Menengah Tumpat, di Sekolah Menengah Dato' Biji Wangsa, Tumpat, sekolah pertama saya.

**WNH : Apakah matapelajaran kegemaran Pok Ku ketika di sekolah?**

TGTL : Masa di sekolah, matematik. Matematik *tu* [itu] memang saya *top student* [pelajar cemerlang] matematik *apo namo ni* [apa nama ini] di sekolah menengah dan sekolah menengah atas matematik.

**WNH : Apakah pencapaian Pok Ku ketika di sekolah?**

TGTL : Pencapaian dari segi apa? dari segi---

**WNIH** : **Dari segi akademik, persatuan.**

**TGTL** : *Hor* [ya], akademik biasa lah, *maknonyo* [maknanya] *apo namo ni* [apa nama ini] setaraf orang biasa, dari segi persatuan, *ye lah* [ialah] di sekolah menengah saya Kadet Tentera, dan dari segi Persatuan Bahasa, memang saya aktiflah. Saya memang apa *ni* [ini] ahli penyajak yang saya amat minat, ahli syarahan, pidato, wakil sekolah, wakil jajahan, biasalah. Sampai sekolah menengah tingkatan enam *ni* [ini], belajar biasa *sajo* [sahaja] lah.

**WNIH** : **Apakah pencapaian Pok Ku di sekolah?**

**TGTL** : Pencapaian dari segi---

**WNIH** : **Akademik?**

**TGTL** : Akademik, biasa lah.

**WNIH** : **Tidak dapat anugerah pelajar cemerlang ke?**

**TGTL** : *Tu* [Itu], dia masa dulu dia *tak dak* [tidak ada] dia saya *tak* [tidak] dapat. Saya duduk dalam *top ten* [keseperuluh cemerlang] di sekolah lah, maknanya tapi *tak* [tidak], biasanya dia bagi yang dapat nombor satu, nombor dua akhir tahun, itu biasalah, tapi tidak saya, tapi kadang-kadang saya boleh dapat nombor empat, nombor lima, pasal masa *tu* [itu] ramai yang lain-lain *gi* [pergi] Alam Shah sekolah hebat *saja* [sahaja]. Sekolah Kamil sekolah yang terbaik.

**WNH : Di Pasir Putih. Bagaimanakah kemudahan pengajaran dan pembelajaran ketika Pok Ku bersekolah dahulu?**

TGTL : Dari segi pembelajaran *apo namo ni* [apa nama ini], saya biasalah maknanya seperti orang lain tidak ada kekurangan (bunyi kereta) orang lain sama sajalah.

**WNH : Kenangan manis yang tidak dapat dilupakan semasa di sekolah dahulu?**

TGTL : Disekolah---

**WNH : Kenangan manis dia?**

TGTL : Kenangan manis, *apo namo ni* [apa nama ini], *tak* [tidak] kiralah sekolah menengah atau sekolah *SMIP* [Sekolah Menengah Ismail Petra] mana eh.

**WNH : Mana-mana sekolah---**

TGTL : Kenangan manis banyak *ni* [ini].

**WNH : Yang paling, paling ingat sampai *loni* [sekarang].**

TGTL : *Apo namo ni* [apa nama ini] dia banyak perkara dia dari segi pelajaran lagu lain, dari segi pergaulan lagu lain, dari segi apa nama *ni* [ini], dari segi pencapaian, pencapaian kita ada kenangan manis, macamlah kita mendapat apa nama *ni* [ini] johan pidato jajahan, *kito raso kito* [kita rasa kita] hebat. Itu kenangan manis *tu* [itu]. Kita telah berjaya menjadi johan jajahan. Rasa hebat (bunyi kereta).

**WNH : Harumkan nama sekolah *kae* [kan]?**

**JMA :** Harumkan nama sekolah, itu kenangan manis dari segi pencapaian. Dari segi pelajaran pun *kalu kito* [kalau kita] apa *ni* [ini] saya dari segi yang saya ingat dari segi pelajaran dari segi matematik *apo namo ni* [apa nama ini] yang pengetua di Sekolah Menengah Kamil nama dia *SA John* [nama salah seorang cikgu matematik, pengetua], *SA John* apa nama *ni* [ini] dia orang India dia cukup-cukup sayang pada saya pasal dia matematik. Saya daripada aliran melayu saya belajar dalam Bahasa Inggeris matematik pada masa tu, hisab dia panggil matematik, *math* [matematik], Matematik Tambahan dia tidak ada dalam Bahasa Melayu, buku cuma guna Bahasa Inggeris, jadi kerana saya tidak apabila soalan keluar dalam Bahasa Melayu, saya tidak boleh jawab saya *dah* [sudah] terbiasa\_\_.

**WNH : *Dah* [sudah] terbiasa dalam Bahasa Inggeris---**

**TGTL :** Dia mengajar dalam Bahasa Inggeris *SA John* dan dia paling sayang, pasal saya, dia ajar saya boleh *gi* [ikut], dan saya boleh ajar orang lain pulak.

**WNH : Ajar kawan-kawan lain---**

**TGTL :** *Hor* [ya] itu dari segi matematik, saya amat-amat saya *suko* [suka] *SA John*, sampai sekarang saya ingat dia, dia paling saya paling *suko* [suka] lah dengannya. *Hok* [yang] *ni* [ini] paling gembira dan yang paling sedih saya *tak tahu tak leh lupo* [tidak tahu tidak boleh lupa] sampai *bilo-bilo* [bila-bila], *apo namo ni* [apa nama ini] masa periksa *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] saya sakit, sakit mata, mata saya *tak nampak* [tidak nampak] sebelah, jadi daripada

*start* [mula] hari *tu* [itu] hari *pertamo* [pertama] *okay* [baiklah] masuk hari kedua *kohor berat kohor berat* [semakin teruk semakin teruk] sampai *ko* [ke] matematik *ngan* [dengan] sains *hok* [yang] saya sayang *hok* [yang] saya minat saya *kae tu* [kan itu] *tak leh* [tidak boleh] buat *tak napok* [tidak nampak].

**WNH** : **Tak [tidak]---**

TGTL : *Hor* [ya] *bendo ni* [benda ini] *sehingga kae* [sehingga kan] SA John *ni* [ini] pengetua *ni* [ini] *mintak* [minta] pengawas *periksaan ni* [peperiksaan ini] *apo namo ni* [apa nama ini] duduk *gi* [pergi] tengok saya, masa saya *perikso* [peperiksaan]. Dia sedih tengok saya *tak leh* [tidak boleh] buat. Bukan *tak leh* [tidak boleh] buat.

**WNH** : **Sebab *mato* [mata] *tak* [tidak] *napok kae* [nampak kan]?**

TGTL : Saya *gi spital pun tak leh buat apo* [pergi hospital tidak boleh buat apa] *jammed* [tidak berfungsi] sebelah, *tak* [tidak] tahulah Tuhan *nak* [hendak] \_\_\_, jadi saya *buleh* [boleh] enam ke *apo* [apa] hisab sepatut saya *buleh* [boleh] satu, target dia sepatutnya, jadi enam jadi sehingga saya dapat *grade* [tahap] dua, dia target saya *buleh* [boleh] satu target jadi enam.

**WNH** : ***Hor* [ya]---**

TGTL : Jadi sehingga saya *grade* [tahap] dua, dia target *dah* [sudah] saya satu.



**WNH : Satu, pelajar yg disayangi---**

TGTL : Akhirnya dapat *grade* [tahap] dua, pasal kes *tue lah* [itu lah]\_\_ orang lain *hok* [yang] top-top boleh pergi *ko* [ke] Alam Shah, saya balik ke, sedih boleh masuk, dia boleh masih lagi boleh tinggi, tinggi lagi la dari segi *grade* [tahap] dua pada masa *tu* [itu] pasal orang *grade* [tahap] satu jarang masa *tu* [itu]. Sebuah sekolah dua orang *sajo* [sahaja] atau tiga orang *sajo* [sahaja] dan saya harapan sekolah\_\_ \_\_ dapat di masuk ke *SMIP* [Sekolah Menengah Ismail Petra] pun saya bersyukur lah\_\_ \_\_ dapat naik tingkatan enam, ini lah waktu-waktu saya, sampai bila-bila memang *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] yang paling tekankan paling-paling penting.

**WNH : Penting, sebab dia---**

TGTL : *Hor* [ya], *bilo kito* [bila kita) lepas dapat *gerenti* [jaminan] masuk universiti yang paling, tapi bukan nasib saya.

**WNH : Bagaimanakah hubungan antara guru dan pelajar pada ketika itu?**

TGTL : Ketika itu, dia guru *maso* [masa] dulu tidak sama zaman *loni* [sekarang] guru *maso-maso* [masa-masa] dulu contohnya Penolong Kanan yang paling *kalu* [kalau] di Kamil *tu* [itu] *Masta* [Master] dipanggil, *Masta* [Master] Wan Hassan, Master\_\_ dia guru yang paling bengis.

**WNH : *Masta* [Master] Master?**

TGTL : \_\_ *dok* [tidak] (bunyi kereta) Master Wan Hassan nama dia tapi budak-budak panggil *Masta* [Master] (bunyi kereta, motosikal) . Dia *ni* [ini] guru yang

paling, dia punya bunyi tapak kaki *sajo* [sahaja] takut (bunyi motosikal) kasut dia pakai kasut yang ada paku di tapak kaki.

**WNH** : *Lade* [ladam]

**JMA** : *Hor* [ya] ladam (sambil melakonkan) murid\_\_\_ dia *rote* [rotan] betul-betul (sambil melakonkan) dia tampar, tampar betul (sambil melakonkan) dia guru yang paling digeruni disekolah *Masta* [Master], *Masta* [Master] Wan Hassan tapi dia, dia dengan saya *cerito* [cerita] dengan kalangan pelajar terbaik, dia baiklah tapi bagi orang lain cukup takut\_\_\_ kemudian, macam guru yang baik macam SA John saya baiklah, sayangnya, ada masalah (bunyi hon) sehinggakan duit dia bagi\_\_\_ *make make* [makan-makan]\_\_\_.

**WNH** : *Bagus dio* [dia].

**TGTL** : Dia *pengetuo* [pengetua] tapi dia baik.

## TAMAT BAHAGIAN B

### BAHAGIAN C: DARI SEGI KERJAYA

**WNH** : **Dari segi kerjaya, dimanakah Pok Ku mendapat latihan pengurusan?**

**TGTL** : Di Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Bharu (bunyi pintu dibuka).

**WNH : Apakah kelulusan minimum untuk menjadi seorang guru?**

JMA : Masa *dulu* [dahulu] *grade* [tahap] dua lah. *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] *grade* [tahap] dua dapat boleh jadi guru dan *kalu* [kalau] *grade* [tahap] tiga dia *nak* [hendak] kredit, enam kredit ke berapa, *grade* [tahap] tiga masih boleh jadi guru, jadi guru dia *keno* [kena] enam kredit tapi *biasonyo* [biasanya] *grade* [tahap] satu *nge* [dengan] *grade* [tahap] dua yang boleh jadi guru, masuk maktab perguruan, saya masuk Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim masuk sana dua tahun maktab perguruan dan sayalah *apo namo ni* [apa nama ini] disana jugak menjadi *apo namo ni* [apa nama ini] *leader* [ketua] dalam Mahaguru Silat Terlak Empat di Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim.

**WNH : Silat?**

TGTL : Saya mengajar seni Silat Terlak Empa

**WNH : Terlakpat?**

TGTL : T.E.R.L.A.K E.M.P.A.T (sambil mengeja), angka empat. Saya menjadi mahaguru *maso* [masa] itu. Dia *maso tu* [masa itu] di Maktab Perguruan dia ada taekwando cina yang mengajar.

**WNH : Taekwando?**

TGTL : Taekwando ramailah pelajar dia *ni* [ini] tapi yang yang jenis silat *tak dok* [tidak ada] lah *tu* [itu] sayangnya dan saya ada kebolehan dari segi silat asalnya saya mengajar *boxing* [tinju] pada budak *kelate* [kelantan] *boxing* [tinju], saya

pandai *belako* [semua], *boxing* [tinju] saya pandai, terlak, silat saya pandai, gayung saya pandai apa *ni* [ini] saya ada Sijil Terlak Empat, ada *black belt* [tali pinggang hitam]\_\_ \_\_ jadi saya, *apo namo ni* [apa nama ini] mengajar *boxing* [tinju] cara sulitlah kepada para-para Pelajar Kelantan, kemudian saya ditangkap oleh pihak Maktab Perguruan panggil saya untuk Naib Pengetua panggil saya pasal apa mengajar cara gelap macam *ni* [ini].

**WNH : Tiada persatuan---**

TGTL : *Hor* [ya] mengajar secara *terbuko* [terbuka], saya kata saya *tak dok* [tidak ada] sijil, *boxing tak dok* [tinju tidak ada] sijil kata mengajar biasa-biasa *sajo* [sahaja] *kalu* [kalau] pandai *tak dak* [tidak ada] *black belt* [tali pinggang hitam] tidak apa, apa yang awak ada, saya ada silat *saje* [sahaja] *black belt* [tali pinggang hitam] saya bawa sijil tunjuk pihak atasan (bunyi motor)\_\_ \_\_ dia kata boleh buka dan saya---

**WNH : Jadi ketua?**

TGTL : *Hor* [ya] saya *buko* [buka] Silat Terlak Empat saya, saya ada anak murid saya *seratus enam puluh tujuh* [167] orang dengan bayaran masa *tu dulu* [itu dahulu] saya *amek* [ambil] *lima ringgit* [RM5.00] sebulan, *lima ringgit* [RM5.00], sebulan, masa *tu* [itu] banyak *doh tu* [dah itu] *lima ringgit* [RM5.00] kali seratus *dah* [sudah] *lima ratus* [RM500], saya jadi jutawan (bunyi orang ketawa). Pasal pada masa *dulu* [dahulu] Maktab Perguruan duit poket hanya dapat *tiga puluh dua ringgit* [RM30] sahaja.

**WNLH : Sebulan?**

TGTL : Sebulan. *Tiga puluh dua ringgit* [RM32] sebulan *tu* [itu] lah *nak wat* [hendak buat] hisap rokok, sesetengah pelajar hisap rokok, *tu nok gi* [itu yang nak pergi] Singapura itu *nok wat* [hendak buat] minum-minum air itulah, bila *tak* [tidak] cukup minta dengan ibu bapa, maknanya itu *saja* [sahaja] makna tapi saya mengajar silat boleh *lima ratus* [RM500], jutawan. Saya beli motosikal, motosikal di Johor Bharu dan saya orang yang kedua Malaysia beli motosikal, motosikal scrambler, *tak dok* [tidak ada] motosikal scrambler *ni* [ini] masuk melalui Singapura, di Singapura masuk ke bandar Johor dan *tak* [tidak] masuk lagi Kuala Lumpur, semua *tak* [tidak] masuk lagi dan saya kedua, orang cina, satu orang cina beli dan saya orang kedua Malaysia beli motor scrambler (ketawa) masa dulu, kes ada duit.

**WNLH : Setahun. Banyak *lima ratus* [RM500].**

TGTL : *Hor* [ya] masa *dulu* [dahulu]. Jadi saya, maknanya jadi guru silat *ni* [ini] istimewa, anak murid ramai, takut *kito blako* [kita semua] (ketawa) hebat *kito* [kita], baju saya, dia basuh *blako* [semua] saya goyang kaki *je* [sahaja] (ketawa) dimaktab perguruan. Saya menjadi Mahaguru Silat Terlak Empat di Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, itu lah.

**WNLH : Masa di maktab, pengalaman yang tidak dapat dilupa *kea* [kan]?**

TGTL : Tidak dapat lupakan ialah *apo namo ni* [apa nama ini] saya *suko* [suka] belajar ilmu kebatinan semasa di Maktab Perguruan saya pergi belajar semua jenis silat yang ada di Bandar Johor Bharu, satu Silat Sendeng, Silat Batik kemudian

*apo namo ni* [apa nama ini] silat\_\_ (bunyi motosikal), Silat Harimau saya belajar, saya belajar tiap minggu berguru di Johor Bharu, Johor Bharu *ni* [ini] banyak silat turun di\_\_ dia memang pusat ilmu kebatinan pada *maso tu* [masa itu] masa *tulah* [itulah]\_\_ banyak tumbuh, termasuklah saya pernah pergi berguru dengan *apo namo ni* [apa nama ini] di Batu Pahat iaitu Mahaguru yang terkenal di Batu Pahat, seorang mahaguru agung di Batu Pahat saya pergi dengan motosikal.

**WNH : Tiap-tiap minggu ko[ke]---**

TGTL : Saya pergi dua minggu sekali saya pergi, saya banyak belajar, saya pergi--- saya *suko* [suka] disamping kita mengajar anak murid kita tapi kita perlu belajar\_\_ *tu* [itu] kenangan saya di Johor Bharu yang paling, paling saya minat pasal salah satu sejarah dalam hidup kita boleh belajar ilmu kebatinan di dengan banyak orang\_\_

**WNH : Pada tahun berapakah Pok Ku mula menjadi seorang guru?**

TGTL : Pada tahun, *satu hari bulan satu tahun seribu sembilan ratus tujuh puluh empat* [1.1.1974], *tujuh puluh empat* [1974] saya *start* [mula] mula mengajar di Sekolah Menengah Dato' Biji Wangsa.

**WNH : Sekolah pertama---**

TGTL : *Hor* [ya] sekolah pertama (bunyi kereta).

**WNH : Pada masa itu, dalam anggaran berapakah pelajar pada masa itu?**

TGTL : Masa itu, dia Biji Wangsa *ni* [ini] antara sekolah yang paling ramai pelajar, pelajarannya lebih seribu lebih yang paling ramai di Tumpat, Sekolah Menengah Biji Wangsa yang pelajar paling ramai, seribu lebih *kalu* [kalau] saya lupa *berapo* [berapa] seribu lebih.

**WNH : Berapa pula anggaran guru yang mengajar ketika itu?**

TGTL : Guru dalam tujuh puluh lebih sahaja.

**WNH : Apakah anggaran guru perempuan dan lelaki adalah sama?**

TGTL : Lelaki dan perempuan masa *tu* [itu]---

**WNH : Ke lelaki paling banyak, cikgu *laki-laki* [lelaki]?**

TGTL : Masa itu ramai *laki-laki* [lelaki] lagi.

**WNH : Adakah bilangan pelajar makin bertambah dari tahun ke tahun?**

TGTL : Betul, tiap-tiap tahun pelajar di Sekolah Biji Wangsa semakin bertambah kerana dia Biji Wangsa *ni* [ini] masa *tu* [itu] Sekolah Menengah Geting tidak ada, Sekolah Menengah Cabang Empat tidak ada lagi yang adanya Sekolah Menengah Dato' Biji Wangsa dan juga Sekolah Menengah Tumpat, Sekolah Menengah Tumpat adalah sekolah elit, sekolah daripada aliran Bahasa Inggeris disana, tapi di Biji Wangsa sekolah daripada semua golongan yang yang *tak* [tidak] pandai yang tidak sekolah elitlah, yang termundur mari ke

Biji Wangsa termasuklah daripada Pengkalan Kubor, Geting dan Thailand, rakyat Thailand ada masuk belajar di Biji Wangsa, sebabnya *maso tu* [masa itu] Sekolah Pengkalan Kubor ramai (bunyi kereta) rakyat Thailand belajar di *SK* [Sekolah Kebangsaan] Pengkalan Kubor, mereka *ni* [ini] menyambung pelajaran di Sekolah Dato' Biji Wangsa walaupun jauh dia mari dengan basikal maknanya masa dulu. Jadi Biji Wangsa *ni* [ini] menghadapi macam-macam masalah disiplin masa *tulah* [itulah] walaubagaimanapun maknanya saya memang suka satu sekolah yang tidak pernah saya, yang *tak* [tidak] pernah saya rasa jemu, minat, saya paling sayang, ingat sekarang *ni* [ini] Biji Wangsa\_\_ saya mengajar lapan belas tahun.

**WNH : Apakah antara matapelajaran yang ada pada ketika itu?**

TGTL : Matapelajaran biasa sajalah ada semulah matapelajaran pada masa itu\_\_ saya mengajar matapelajaran geografi, saya memang\_saya geografi, saya mengajar geografi.

**WNH : Pada ketika itu, apakah jenis sistem peperiksaan yang telah wujud?**

TGTL : Masa *tu* [itu] peperiksaan kelas tahun *ni* [ini] biasalah untuk situ maknanya ada untuk situ untuk *SRP* [Sijil Rendah Pelajaran] sahaja sekolah rendah.

**WNH : Pada pendapat Pok Ku, apakah sebab utama ibu bapa tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah? Ada segelintir---**

TGTL : Masa *tu* [itu] dia tidak, ibu bapa yang pertama yang miskin, Tumpat inilah termasuk golongan jajahan, satu daerah yang paling miskin di Malaysia, antara



sepuluh jajahan yang termiskin di Malaysia, Tumpat, apa maknaya ibu bapa dia adalah nelayan dan juga yang tidak ada kerja setengah *tu* [itu].

**WNH : Bekerja sendiri.**

TGTL Bekerja sendiri, sebab itu anak-anak yang tidak mahu datang, tidak mahu belajar habis berhenti bekerja nelayan, jadi *tak* [tidak] belajar sebab itu, maknanya kesedaran terhadap pelajaran masih rendah pada masa *tu* [itu], sebab *tu* [itu] sebab itulah ramai yang tercicir yang tidak belajar\_ \_ walaubagaimanapun telah ramai yang belajar tapi ada yang tidak dapat belajar sebab kemiskinan, kesedaran terhadap pelajaran *tak dak* [tidak ada]\_ \_ \_ (bunyi mesin)

**WNH : Bagaimana rasa ketika mula-mula mengajar?**

TGTL : Saya mengajar memang saya minat, saya terlalu minat pada guru, saya suka sebab itu (bunyi mesin) memang *apo namo ni* [apa nama ini] dimana saya telah berada, saya duduk dimana sahaja, saya akan mengajar habis-habisan itu sebab saya minat pada guru apa *saja* [sahaja] hadapi saya buat sehabis baik cita-cita saya, dimana saya duduk saya akan mengajar sehabis baik yang boleh tanpa saya tugas yang diberi saya akan cuba buat sehabis baik. Itu memang, memang *pesen* [cara] saya lah, saya suka *lagu tu* [macam itu].

**WNH : Bagaimana pula mengenai sistem pendidikan pada ketika itu? (bunyi mesin)**

TGTL : Sistem pendidikan masa itu, dia *hok* [yang] semasa tidak sama macam *loni* [sekarang] (bunyi mesin) dari segi biasa *saja* [sahaja] dengan kelas tambahan tidak ada masa *tu* [itu] daripada pagi sampai *ko* [ke] tengah hari *kul* [pukul] dua balik, baliklah. Maknanya yang ada adalah dari segi sukan permainan petang ada permainan bola, sepak, lawan badminton maknanya begitu *saja* [sahaja] dari segi kelas-kelas *tak dak* [tidak ada] tidak cara kelas tambahan *apo* [apa] sekarang *ni* [ini] banyak segi akademik, masa dulu *tak dak* [tidak ada] masa dulu lepas sekolah jalan, maknanya pelajar yang minat sukan mari kesekolah maknanya siap ada padang untuk berlatih sukan begitulah biasa *saja tu* [sahaja itu] (bunyi mesin)

**WNH : Selain matapelajaran geografi yang Pok Ku mengajar, apakah matapelajaran yang lain yang diajar?**

TGTL : Selain itu, Bahasa Melayu lah (bunyi mesin) dan saya mengajar Bahasa Melayu (bunyi mesin).

**WNH : Bagaimanakah penerimaan pelajar terhadap mata pelajaran tersebut pada ketika itu?**

TGTL : *Meme* [memang] geografi saya juga suka dan budak suka, saya tidak *serupo* [serupa] saya buat kaedah, kata saya cuba, saya biasa saya *ambik* [ambil] kelas terbaik dan kelas terburuk, *pasal* [sebab] dia banyak kelas, *pasal* [sebab] pelajar ramai ada sepuluh kelas, satu tingkatan sepuluh kelas dua belas kelas.

Jadi saya *ambik* [ambil] kelas terbaik satu dan kelas *hat* [yang] teruk, bukan saya kata tapi boleh cuba lagi. Ambil terbaik dan terburuk buat perbandingan. Jadi kelas teruk *ni* [ini] saya paling suka dan budak-budak dengan saya pun paling dia suka. Saya cari jalan *jugak* [juga] macam mana kita nak *pikat* [ambil hati] pelajar kita biar dia minat kita dulu \_\_\_\_\_ yang budak yang pandai *ni* [ini] *tak pa* [tidak mengapa], yang budak yang *tak* [tidak] pandai *ni* [ini] yang mari sekolah *just* [saja] *nak* [hendak] hiburan *sesuka* [suka-suka] *nak* [hendak] berkawan ke, kena cari jalan biar panggil dia minat kita dan macam mana *nak* [hendak] buat dia minat kita, saya buat *ngajar* [mengajar] cerita dulu *nak* [hendak] *start* [mula] belajar, cerita dulu itu ini cerita dia suka \_\_\_\_\_ saya suka sehinggakan *tiap-tiap* [setiap] tahun yang istimewa saya *ni* [ini] di sekolah dia buat apa *ni* [ini] guru yang paling disayangi dan dia *buh* [masukkan] dalam kotak, hari guru hari apa dia *wat* [buat] yang paling disayangi oleh pelajar. Saya johan *tiap-tiap* [setiap] tahun, harapan saya seadanya.

**WNH : Di antara golongan lelaki dan perempuan golongan manakah yang mudah diajar?**

TGTL : Sama saja. Saya *tak dak* [tidak ada] dan saya tidak ada beza. Saya buat pelajar *mace* [macam] adik-adik saya. Saya *tak dak* [tidak ada] dera apa-apa, waktu saya, termasuk saya *ni* [ini] guru paling baik dan guru paling bengis. Kemudian, sampai ke sekarang *ni* [ini] pun kan ada saya yang lawan mulut dulu dia kata *ni* [ini] guru penampar jepun atau guru penampar kapit. Setakat

penampar kapit *pang* (bunyi tepuk tangan) terkenal saya, tapi, *budak tu* [itu] *tak* [tidak] marah saya. *Pasal* [sebab] masa *nak* [hendak] kapit *tu* [itu] saya baca dulu bismillahirrohmanirrohim *pang* (bunyi tampar tangan) dan *laki-laki* [lelaki] perempuan semua sama kesalahan mereka, perempuan pun *pang* (bunyi tampar tangan) jadi *tak dak* [tidak ada] degil. *Kalu* [kalau] kita tampar *laki* [lelaki] cubit pelajar perempuan nanti dia kata *tak* [tidak] adil \_ \_ \_ \_ \_  
*Kemarin* [sebelum ini] ada jutawan Mat Zain yang bekas lumba lari dan dermawan di Kuala Lumpur ada syarikat di Afrika dan di mana-mana telefon saya, saya sakit buat pembedahan saraf jadi balik tegur saya (bunyi lori melintas) \_ \_ \_ dia *royak sokmo* [beritahu selalu] \_ \_ \_ saya *tak* [tidak] *cam* [kenal] dan dia masa balik tengok saya dan *pastu* [lepas itu] dia pun tampar-tampar pipi dia, dia *royak* [beritahu] dah cikgu kapit saya. Dia budak nakal dulu tapi sekarang *ni* [ini] dia jutawan. *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] tiga kali *tak pass* [tidak lulus] \_ \_ \_ \_ \_ (bunyi mesin) syarikat dia di Afrika, waktu dia balik *jupo* [jumpa] saya, *loni* [sekarang ini] dia balik duduk di Kelantan \_ \_ \_ *nilah* [inilah] di antara pada saya kesan maknanya \_ \_ \_ \_ \_ maknanya kita beri kita baik dan pelajar yang miskin saya juga tolong, saya pegang guru biasiswa saya \_ \_ \_ \_ \_ seringgit maknanya sangat besar, saya bagi duit *tu* [itu] dia makan apa dia suka \_ \_ \_ \_ \_ (bunyi mesin) sampai ada satu ketika *tu* [itu] seorang pelajar saya, saya tampar dia, saya marah dia *pasal* [sebab] dia ada satu buku *jah* [saja] buku tulis ada tiga *butir* [buah] dia campur sekali geografi, matematik dalam satu buku (bunyi mesin) saya pun pergi rumah dia rupanya ayah dia kerja ambil *nyor* [kelapa] sebelum *ni* [ini] ambil tuak \_ \_ \_ \_ \_ apabila saya *gi* [pergi] rumah dia saya tengok ayah dia lumpuh *dah* [sudah] dua tahun

sakit \_\_\_\_\_ saya tanya *wat gapo* [buat apa], dia pagi-pagi dia *gi* [pergi] kerja adik dia *duk* [duduk] depan pintu \_\_\_\_\_ kalau boleh petang pergi jual kalau boleh duit dia makan kalau *tak leh* [tidak boleh] dia *tak* [tidak] makan nasi. Dia makan *nyor* [kelapa] muda, Ya Allah Subhanahu wa taa'la (sebak) \_\_\_\_\_  
\_ *gi* [pergi] sekolah saya ambil *pitih* [duit] saya bagi dia.

**WNH :** ***Okay* [baiklah] berbalik semula, selepas mengajar di Sekolah Biji Wangsa, adakah Pok Ku pernah berpindah ke sekolah lain? Jika ya dimana?**

**TGTL :** Saya berpindah ke Sekolah Kebangsaan Mekasar dan menjadi Penolong Kanan di Sekolah Kebangsaan Mekasar Pasir Mas \_\_\_\_\_ (bunyi selak helaian kertas) saya \_\_\_\_\_ dan tahun *lapan puluh sembilan* [1989] dan tahun *sembilan puluh satu* [1991] saya jadi Penolong Kanan satu di Sekolah Mekasar Pasir Mas, dua tahun *tak* [tidak] silap saya. Tahun *sembilan puluh tiga* [1993] balik jadi Penolong Kanan di Sekolah Kok Pasir Tumpat. Yang tahun *sembilan puluh tiga* [1993] dan *sembilan puluh empat* [1994] Penolong Kanan di Sekolah Kebangsaan Tumpat dan tahun *sembilan puluh empat* [1994] dan *sembilan puluh lima* [1995] saya jadi Guru Besar Sekolah Kebangsaan Pasir Mas dan lepas *tu* [itu] saya balik ke Tumpat jadi Guru Besar Sekolah Kebangsaan Berangan Dua di kampung saya dan saya pencen di situ. Sekolah Berangan Dua *tu* [itu] sekolah yang saya mohon dengan Kementerian suruh buat sekolah baru, sekolah yang paling cantik yang paling indah di Tumpat. Sekolah Kebangsaan Berangan Dua kalau orang pergi ke Berangan

Dua hasil kerja saya. Saya minta dengan\_\_ sekolah yang paling comel. Bukan di Tumpat sahaja tapi diseluruh Kelantan. Sekolah lain yang *tak dak* [tidak ada] sekolah yang sampai empat tingkat lima tingkat dan bilik guru *aircond* [penyaman udara]. Cikgu-cikgu semua ada meja seorang satu dan sebiji almari\_\_\_\_ yang paling mahal di Tumpat.

**WNH : Berapakah buah sekolah yang telah Pok Ku mengajar sebelum Pok Ku pencen?**

TGTL : Banyak. Sekolah Kebangsaan Biji Wangsa, Sekolah Kebangsaan Mekasar, Sekolah Kebangsaan Tumpat\_\_\_\_ enam buah sekolah.

**WNH : Di antara sekolah-sekolah tersebut, sekolah manakah yang memberi impak yang besar terhadap cikgu?**

TGTL : Saya kalau Sekolah Menengah, Biji Wangsa, Sekolah yang Berangan Dua, saya jadi Guru Besar di Sekolah Bechah Durian\_\_\_\_ sekolah sepuluh terbaik di luar bandar dan di Malaysia dan saya balik di Berangan Dua sekolah yang paling lama sehingga saya pencen.

**WNH : Apakah prinsip dan matlamat Pok Ku ketika mengajar?**

TGTL : Saya mengajar *meme* [memang] kita terlalu minat dan saya suka mengajar. Saya kalau *nak* [hendak] cerita ke awak saya sakit dan saya duduk rumah.

Saya sakit, lepas dua hari saya *gi* [pergi] duduk di tangga tengok budak sekolah jalan. Bukan budak saya budak *gi* [pergi] sekolah. Saya duduk tengok kerana saya minat *tu* [itu]. Saya pencen dua tahun, lima enam bulan saya pencen kerja saya sampai akhir penamat saya pencen enam bulan *tiap-tiap* [setiap] hari saya *gi* [pergi] sekolah, saya *gi* [pergi] *round* [keliling] dengan kereta, motosikal tengok. Makna kita\_ *ore* [orang] suka\_ \_ \_ (bunyi lori melintas) dan sekolah.

**WNH :** **Apakah Pok Ku berpuas hati dengan perkhidmatan Pok Ku pada ketika itu?**

**TGTL :** Ya, saya buat dimana *saja* [sahaja] sehabis baik dan terbaik dan saya berpuas hati dengan\_ \_ \_ dan hasilnya terbukti setelah orang dapat menilai diri kita (bunyi mesin).

**WNH :** **Apakah perasaan Pok Ku apabila melihat pelajar-pelajar cikgu berjaya?**

**TGTL :** Saya rasa tiada hadiah yang paling istimewa daripada melihat pelajar berjaya. Itu lah hadiah istimewa saya. Kita guru *kae* [kan], kalau awak jadi cikgu pun *tak kan* [tidak akan] ada yang paling bernilai lebih daripada emas, dari segalanya pada saya. *Kalu* [kalau] dia\_ \_ \_ \_ \_ kita suka, macam seolah-olah dia bawa *ni* [ini] emas lima *tokol* [biji] seolah-olah *gitu* [begitu] (ketawa).\_ \_ \_ \_ \_ *kalu* [kalau] saya ingat *tu* [itu] dimana saya ada *nak* [hendak] tengok budak berjaya. Saya suka kalau anak murid berjaya.

**WNIH** : **Pada pendapat Pok Ku, adakah jumlah pelajar boleh mempengaruhi pencapaian akademik di sesebuah sekolah?**

**TGTL** : Betul, *tu* [itu] memang betul, *kalu* [kalau] dalam bilik darjah *kalu* [kalau] pelajar *tu* [itu] terlalu ramai empat puluh orang sekelas masalah, dia sebenar dulu dalam pendidikan tidak lebih daripada tiga puluh orang *tu* [itu] pelajar *sedaplah* [baguslah] (bunyi motosikal).

**WNIH** : **Untuk pelajar tiga puluh orang?**

**TGTL** : *Hor* [ya], untuk pelajar tiga puluh orang (bunyi motosikal) kurang tiga puluh orang adalah terbaik, dia hanya untuk dua puluh lima orang \_ \_ \_ \_ \_ (bunyi motosikal) tapi kita \_ \_ \_ \_ \_ sampai empat puluh lima orang pelajar dan ada yang hampir lima puluh pun ada, empat puluh, empat puluh lapan sekelas dan masalah lebih banyak dan tumpuan kita terhadap pelajar pun dengan cara kaedah kita sendiri lebih \_ \_ \_ *kalu* [kalu] kita pelajar dua puluh lima orang boleh *bui* [beri] tumpuan *bui* [beri] cara lebih baiklah.

**WNIH** : **Semasa Pok Ku mengajar bolehkah Pok Ku ceritakan antara jenis hukuman kepada pelajar terhadap kesalahan pada zaman dahulu?**

**TGTL** : Dia kaedah dalam sistem ada banyak cara, *sape* [siapa] hukuman dia *sebat* [rotan] ditangan lah. Kita bagi hukuman untuk dia buat semula *homework* [kerja rumah] dia *tak* [tidak] buat dan dia jadi lebih baik. Tapi kadang-kadang pelajar *ni* [ini] sebab dia denda yang saya kadang-kadang kita letak



dia depan orang dia bagi dia malu dan juga tampar *ka* [ke]. *Ni* [ini] kaedah masa *dulu* [dahulu] yang kerap ulang tapi denda *tu* [itu] saya tentukan pada situasi dan keadaan yang memerlukan kita memberi hukuman, kadang-kadang kita nak bagi yang terbaik.

**WNH : Sepanjang Pok Ku mengajar, pernahkah Pok Ku mengenakan hukuman rotan kepada pelajar?**

TGTL : Saya *bagi* [beri] hukuman yang sesuai, sebagai contoh, terutama kesalahan rotan *ni* [ini] bagi *spesis* [kumpulan] masalah disiplin yang mereka buat.

**WNH : Pada pendapat Pok Ku, bagaimanakah masalah disiplin pada masa dulu dikawal? Dikawal atau *tak* [tidak]?**

TGTL : Dia pada masa *dulu* [dahulu] disiplin pelajar apa nama *ni* [ini] pelajar yang nakal *saja* [sahaja], jadi tidak terlibat dengan dadah, dia baik, dia amat takut dengan cikgu. Sebut *saja* [sahaja] cikgu dia takut. Bukan sahaja di sekolah *tapi* [tetapi] diluar sekolah pun. *Ni* [ini] pada masa *dulu* [dahulu], dan apa nama *ni* [ini], tapi sekarang *ni* [ini] lain, mungkin para pelajar tidak ada sifat malu langsung pun kadang-kadang melawan cakap cikgu *tu* [itu] perkara biasa *saja* [sahaja], dulu *dak* [tidak], dulu orang sebut *saja* [sahaja] guru dia akan hormat. Ibu bapa pun hormat guru. Ibu bapa *kalu dulu* [kalau dahulu] saya tampar ke saya rotan ke beritahu ke ibu bapa dia, bapa dia tambah lagi balik rotan dirumah sebab dia sokong cikgu. *Tapi* [tetapi] sekarang *ni* [ini] cuba

cikgu rotan tengok, tampar, balik *tu* [itu] ibu bapa akan dakwa cikgu. *Dulu* [dahulu] lain, *dulu* [dahulu] saya tampar budak, dia turut sokong saya, bagus cikgu dia suka, dia kata cikgu jaga anak saya dan dia sebut kita di sekolah cikgu buatlah apa *saja* [sahaja] asalkan jangan patah. Ha, *tu* [itu] dia sebut pada cikgu. *Tapi* [tetapi] sekarang *ni* [ini] *tak dak* [tidak ada] dah. Ibu bapa *tak gi* [tidak pergi] sekolah langsung dah kecuali sakit.

**WNH : Apakah pendapat Pok Ku tentang sistem pendidikan pada zaman sekarang?**

TGTL : Saya lah dari segi sistem *ni* [ini] yang semakin hari semakin berkembang. Semakin baik dan sesuai dengan zaman (bunyi motosikal). Banyak perkembangan dalam sistem dan kaedah yang lagi baik lah. Yang mana ada sesetengah *tu* [itu] menyebabkan kekangan pula pada cikgu apa nama *ni* [ini] orang *tak* [tidak] faham masukkan komputer secara *online* [laman sesawang atas talian], dan saya tengok pada minggu lepas dia terpaksa tolong cikgu masukkan markah *online* [laman sesawang atas talian] dan saya nampak cikgu *tu* [itu] terpaksa bawa balik ke rumah bawa komputer sebab *nak* [hendak] *online* [laman sesawang atas talian] markah peperiksaan. Ini agak menyusahkan dan beban kepada guru. Guru juga kena ada had dan masa apa nama *ni* [ini] tetapi kadang-kadang kita terpaksa kena bawa ke rumah.

**WNH : (Berdehem) Bagaimana pula pendapat Pok Ku mengenai sistem disiplin pelajar pada masa kini?**

TGTL : Disiplin sekarang *ni* [ini] *okay* [baiklah] *tapi kalu* [tetapi kalau] bandingkan *dulu* [dahulu] lebih baik. *Loni* [sekarang ini] kita punya disiplin memang ada masalah cikgu dengan ibu bapa dengan guru, masyarakat dan sebagainya\_ \_  
\_.

**WNH : Jika kita lihat, prestasi pelajar perempuan adalah lebih baik daripada pelajar lelaki, apakah pendapat Pok Ku mengenai perkara tersebut?**

TGTL : Dia sebenarnya dari segi antara *laki-laki* [lelaki] dan perempuan sama *saja* [sahaja] belajar dari segi otak. Segalanya lebih kurang *saja* [sahaja]. Tapi dari segi usaha, sekarang *ni* [ini] kita tengok pelajar perempuan lebih berusaha. Masa ruang belajar *tu* [itu] lebih banyak pada pelajar perempuan. Pelajar lelaki banyak main, lupa, dari segi itulah. *Sapa* [siapa] baca lebih, lebih usaha, dialah yang dapat. Prestasi sekarang *ni* [ini], pelajar perempuan lebih baik daripada pelajar lelaki. Itulah, dari segi otak lebih kurang sama sahaja.

**WNH : Pada pendapat Pok Ku, apakah kegiatan kokurikulum yang penting pada pelajar pada ketiku itu?**

TGTL : Sekarang *ni* [ini] dari segi kokurikulum sayalah maknanya badan beruniform lebih baik disemat dan para pelajar lebih berdisiplin. Dia kena usaha. Ada

Bulan Sabit Merah\_\_\_ yang mengamalkan disiplin yang baik dan yang ada bila dia masuk ada keuntungan dia.

**WNH : Pada pendapat Pok Ku, dimanakah letaknya kualiti seorang guru?**

TGTL : Bergantung kepada apa nama *ni* (ini) keyakinan diri masing-masing minat guru tersebut terhadap kepada pekerjaan dia *kan* [bukan] *career* [kerjaya] dia. Kalau dia *tak* [tidak] minat kepada guru *tak* [tidak] jadi juga. Guru *ni* [ini] yang penting kita kena minat *dekat* [pada] cikgu yang mengajar minat *dekat* [pada] pelajar dengan minat *dekat* [pada] sistem pendidikan nanti kita jadi lebih baik.

**WNH : Hubungan antara guru dan ibu bapa adalah penting untuk menjamin mutu pendidikan anak-anak mereka. Apakah pendapat Pok Ku mengenai perkara ini?**

TGTL : Ini benda yang amat baiklah. Hubungan guru dengan ibu-bapa perlu dan sangat perlu kerana tingkah laku pelajar *ni* [ini] di sekolah kita boleh tengok sendiri, cikgu boleh *amati* [memerhati] boleh tengok dia. Tapi di rumah ibu-bapa. *Kalu* [kalau] kita di sekolah kita jaga dengan baik di rumah kita lepas ibu bapa *tak* [tidak] ambil tahu anak kita akan rosak juga *pas tu* [lepas itu] pelajar *ni* [ini] lepas ke luar. Maknanya cikgu kena berbincang dengan ibu bapa biar ada hubungan biar lepas *gi* [pergi] sekolah apabila pelajar balik rumah ibu bapa kena main peranan tengok anak dia jaga anak dia *asuh*

[mengasuh] *beri* [memberi] semangat ke anak dia dan sebagainya barulah kedua-dua hubungan akan jadi kesan jadi baik.

**WNH : Sekarang wujudnya *Persatuan Ibu Bapa dan Guru* [PIBG] bagi menghubungkan guru dan ibu bapa. Adakah wujud persatuan seperti itu ketika zaman dahulu semasa cikgu mengajar?**

TGTL : Masa saya *dulu* [dahulu] pun dari segi *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] *meme* [memang] *dulu* [dahulu] lagi ada dan sampai sekarang masa *dulu* [dahulu] *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] mungkin berapa tidak aktif dari hari ini, tapi hari ni peranan *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] nya besar tidak seperti dulu dan *meme* [memang] *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] ada kaitan dengan *certain* [sesetengah] kehadiran dan *kalu* [kalau] diikutkan dengan kaedah baru *loni* [hari ini] *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] juga dia *nak* [hendak] apa *ni* [ini] ada dia boleh memberi sumbangan membantu pihak sekolah, ada *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] yang telah membuat program untuk mengajar anak-anak di sekolah untuk pelajar yang memerlukan. Kerana *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] sendiri ada yang pakar dari segi tertentu boleh memberi sumbangan dan sebagainya kepada sekolah. *Loni* [sekarang ini] berbeza dan kalau sekiranya benda *tu* [itu] berjalan dengan lancar *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] yang aktiflah yang sekolah akan peruntuk. Tapi adalah *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] yang *tak* [tidak] aktif *serupo* [sama] sajalah.

## TAMAT BAHAGIAN C

### BAHAGIAN D: BAHAGIAN PENCAPAIAN

**WNH : Dari segi pencapaian, apakah Pok Ku pernah menjawat sebarang jawatan penting ketika bergelar seorang guru?**

TGTL : Jawatan masa bila? Jawatan *gapo* [apa]?

**WNH : Masa selain dari jadi cikgu *tu* [itu] ada jawatan lain *tak* [tidak]?**

TGTL : Di sekolah *meme* [memang] saya pernah jadi guru disiplin, jadi kaunselor sekolah. Saya diantara kaunselor yang terawal di Negeri Kelantan ada kursus masa tahun *dua ribu lima* [2005] *tak* [tidak] silap. Saya telah kursus mengikut bimbingan dan kerjaya di Kuala Lumpur dan sebagai kaunselor masa *tu* [itu] kaunselor sekolah apa nama *ni* [ini] dan banyaklah dari segi jawatan yang saya pegang di sekolah sebanyak tiga belas jawatan (ketawa).

**WNH : Bolehkah Pok Ku ceritakan pengalaman dan sumbangan sepanjang terlibat dalam bidang perguruan ?**

TGTL : Saya *kalu* [kalau] dalam bidang pendidikan memang terlalu banyak. Masa jadi apa nama *ni* [ini] guru biasa, saya minat pergi kursus untuk peningkatan diri

sendiri dan saya jadi pengkursus pun saya, saya apa nama *ni* [ini] jadi pengerusi dan saya juga jadi fasilitator. Dalam Biro Tatanegara saya jadi fasilitator untuk seluruh Malaysia. Seluruh negara berapa tahun saya jadi, termasuklah juga saya jadi fasilitator untuk para pelajar yang balik daripada Amerika, luar negara balik sini, saya jadi fasilitator untuk yang di Intan Kuala Lumpur, Sarawak, Kota Kinabalu, di Kuching, seluruh Malaysia saya jadi.

**WNH :** **Apakah anugerah-anugerah yang Pok Ku pernah terima?**

TGTL : Anugerah masa pendidikan, banyak anugerah *dale* [dalam] (helaian selak kertas)\_ anugerah saya simpan, *tak* [tidak] ingat\_ (helaian selak kertas). Saya jadi guru matematik, bahasa melayu macam-macam, peningkatan kokurikulum di sekolah rendah untuk negeri jurulatih bola sepak dan macam-macam *pesen* [jenis], Pengerusi Silat Terlak Empat di Tumpat, Guru Penasihat Bulan Sabit Merah, Guru Penasihat Pasir Mas Tumpat, *PPD* [Pejabat Pelajaran Daerah], macam-macam *pesen* [jenis] ada banyak. Pengerusi Cabang Pasir Mas, Tumpat, \_\_\_ *AJK* [Ahli Jawatan Kampung] perkhemahan dalam negeri, guru cemerlang kokurikulum sekolah rendah lelaki peringkat kebangsaan Malaysia. Saya diberi anugerah oleh negara Ketua Kontinjen Negeri Kelantan, banyaklah, ada *dale ni* [dalam ini] (helaian selak kertas). Boleh tengok, Persatuan Negeri Kelantan.

**WNIH :** *Okay* [baiklah], kita teruskan dengan soalan lain pula. Sudah berapa lamakah Pok Ku berhenti mengajar?

TGTL : Saya berhenti tahun *dua ribu lapan* [2008]. Pencen *dua ribu lapan* [2008]. *Ni* [ini] sudah *dua ribu empat belas* [2014], maknanya enam tahun *dah* [sudah].

**WNIH :** Pada umur umur berapakah Pok Ku berhenti mengajar?

TGTL : Umur 56.

**WNIH :** Apakah yang Pok Ku lakukan setelah berhenti mengajar?

TGTL : Saya berhenti mengajar, saya jadi kontraktor (ketawa sambil tarik nafas) saya saja-saja pasal saya kitanya apabila kita bekerja, saya berhenti sebulan *saing* [kawan] saya ada telefon saya, tanya khabar, sihat. Saja, tanya buat apa, saya kata rehat, pencen, dia kata *mari jupo* [datang jumpa] saya di Kota Bharu kita *make-make* [makan-makan] saya *nak* [hendak] bincang. Saya *mari* [datang] Kota Bharu *make* [makan] dengan dia. Dia tanya, cuba Pok Ku cerita daripada bangun tidur sampai ke tidur pula buat apa. Saya pun ceritalah, bangun tidur, mandi, *gi* [pergi] masjid dengar kuliah subuh, balik rumah apa nama *ni* [ini] minum air *pas tu* [lepas itu] menyapu sampah *pas tu* [lepas itu] *exercise* [bersukan] naik motosikal *pas tu* [lepas itu] tengah hari *gi* [pergi] kedai kopi, saya kata *belaka* [semua] lah tengah hari *gi semaye* [pergi sembahyang] di masjid kata, *pastu pete* [lepas itu petang] tidur, *pete* [petang] sikit *gi berjale* [pergi berjalan]. Saya *royak belakolah* [beritahu semualah] daripada awal



sampai habis. Maghrib *gi* [pergi] masjid dengar ceramah maghrib pula kata, lepas maghrib sampai isyak, lepas isyak saya balik tidur. Dia kata bagus *dah* [sudah] tapi *tak* [tidak] sempurna dia kata. *Pasal apa tak* [kenapa tidak] sempurna, kita bekas pemimpin, saya bekas pemimpin guru besar jadi pemimpin masyarakat lepas *tu* [itu] jawatan luar pun saya banyak pengerusi, macam-macam jenis pengerusi, Pengerusi Bulan Sabit Merah dan macam-macam *pesen* [jenis] dalam politik saya pegang jawatan politik. *Saing* [kawan] saya *tu* [itu] kata kita bekas memimpin orang, bahagian *memikir tu* [pemikiran itu] hidup dia kata, otak\_ \_ \_ sentiasa hidup dia kata, *pas tu* [lepas itu] sekiranya dia tanya kita mungkin orang kampung, kerja tanam padi dia *tak* [tidak] *mikir* [fikir] apa dia *gi wat* [pergi buat] otak *tak* [tidak] hidup. Kita ni *mikir* [fikir] anak buah kita, masyarakat\_ \_ \_ \_ \_ dengar kuliah subuh pun *tak* [tidak], masuk telinga kanan keluar telinga kiri dan jarang *lekat* [susah ingat] *tak pikir* [tidak fikir] kalau kita kata\_ \_ \_ *tak pikir* [tidak fikir] apa *dah* [sudah]. Ada otak tapi *tak* [tidak] guna dengan sendirinya, kenapa akan terjadi *kat* [dekat] apabila yang pertama dia mudah lupa, ini mudah nyanyuk. Yang kedua kalau kita ada penyakit apa, penyakit yang sedia ada akan jadi penyakit mudah merebak. Maksudnya kita akan mudah dihidap penyakit. Dan dia *bui* [bagi] contoh, Mahathir pemimpin negara di dunia ini selalu tengok kita *tak* [tidak] guna otak kita akan jadi sakit. Jadi sebab *tu* [itu] saya lebih cadangkan pada dia yang pertama, kena jaga, guna otak yang *mikir* [fikir], yang kedua, buatlah apa *saja* [sahaja] yang kita boleh guna tenaga apa *saja* [sahaja] *bagi* [beri] tenaga dan juga untuk *mikir* [fikir] *sikit* [sedikit]\_ \_ \_ *pas tu* [lepas itu] mengajar atau buat sesuatu apa nama *ni* [ini] kursus. Tapi jangan berat kata

dia, *kalu* [kalau] *nak* [hendak] berniaga boleh tapi yang ringan. Saya *dok mikir* [tengah fikir] ada *saing* [kawan] saya tengah berniaga saya *tupe* [tumpang] dia belajar jadi kontraktor buat bangunan semua lah, buat bangunan. Ar Rahn bilik kebal saya Tumpat *Mache* [Machang] saya *wat* [buat] belaka *tu* [buat semua itu] Kota Bharu *ni* [ini]. Maknanya saya buat bangunan ini untuk *nak* [hendak]\_ \_ \_ \_ kita *mikir hok tu ja* [berfikir yang itu sahaja] jadi *tak* [tidak] berat lah saya boleh buat. Itu yang saya buat.

**WNH : *Okay* [baiklah], apakah Pok Ku pernah terlibat dalam mana-mana aktiviti kemasyarakatan?**

TGTL : *Hor* [ya], kemasyarakatan *tu* [itu] banyak. *Kalu* [kalau] kampung saya jadi rukun tetangga, *pas tu* [lepas itu] saya jadi Pengerusi *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru], saya masih lagi Pengerusi Juvana di bawah Jabatan Kemasyarakatan, Pengeusi Muzik Rebana Tumpat, saya Pengerusi Lembaga apa nama *ni* [ini] Panel Penasihat Klinik Jajahan Tumpat saya *duk loni* [duduk sekarang ini] Pengerusi Ahli Lembaga Penasihat Hospital, Juri Mahkamah, *tok hakim* [tuan hakim] mahkamah\_ \_ \_ \_ (ketawa) belajar undang-undang sedikit sementara *nak* [hendak] menjatuhkan hukum. *Hok loni* [yang sekarang ini] Bulan Sabit Merah *ni* [ini] kita *tak* [tidak] berhenti *pasal* [sebab]\_ \_ \_.

**WNH : Adakah ketika mengajar dahulu Pok Ku pernah dihantar ke mana-mana program dan kursus?**

TGTL : Yang *tu* [itu] banyak\_\_\_\_\_.

**WNH : Luar negara ada?**

TGTL : Luar negara ada ke Indonesia, Jakarta, Aceh, apa nama *ni* [ini] tsunami. Di Jabatan Gempa Bumi. Thailand la, pergi ke pelajar buat apa *ni* [ini] pengakap\_\_\_\_ saya jadi pengakap kelana dapat anugerah di peringkat kebangsaan juga. Kemudian saya pergi belajar di Thailand dari segi pertanian\_\_\_\_ buah pauh dia *tu* [itu] *tak serupo* [tidak seperti] pokok pauh, dia boleh keluarkan lima jenis buah berlainan *julai ni* [dahan ini] buah *ni* [ini] *julai ni* [dahan ini] buah macam *ni kacuk* [ini kacukan].

**WNH : Pada pendapat Pok Ku, apakah erti perkataan ‘guru’ bagi pandangan Pok Ku?**

TGTL : Guru adalah istimewa. Guru ini bukan *saja* [sahaja] telah menjiwai saya tapi guru ialah satu anugerah Allah dan mendapat, siapa yang jadi guru adalah dapat pahala. *Tu* [itu] istimewa dengan niat yang baiklah jangan dia guru hanya *nak* [hendak] guru sahaja\_\_\_\_ sapa jadi guru *saja* [sahaja] pahala telah menunggu, *tu* [itu] istimewanya guru. *Pas tu* [lepas itu] pahala *tu* [itu] berkekalan, dapat anak murid kita jadi baik-baik, berkekalan lah. Kita mati

pun masih lagi dapat pahala. Maknanya saya guru istimewa dalam hidup saya yang anugerah Allah bagi pahala, *tu* [itu] istimewanya guru.

**WNH : Siapakah tokoh yang Pok Ku paling kagumi?**

TGTL : Saya *mace* [macam] Dr. Mahathir. Saya kagumi dia pemimpin yang apa nama *ni* [ini] cekap berfikir, berpandangan jauh nampak apa yang akan berlaku dan dia sampai *loni* [sekarang ini] dia tanpa henti berkerja. Dia hebat.

**WNH : Okay [baiklah], mengenai sistem pembelajaran masa kini, adakah yang perlu dipertingkatkan?**

TGTL : Ya, perlu. Peningkatan dalam sistem pembelajaran negara kita *ni* [ini] kadang-kadang (berdehem) kita merasa kita hebat dah, tapi *acu* [cuba] kita bandingkan dengan Amerika dengan Jepun, kita masih ketinggalan sebenarnya, dan saya pergi melancong ke luar negara, pergi ke Hong Kong, jadi kadang-kadang sistem yang diajar di Jepun dan sebagainya kan dia hebat, jauh hebat daripada kita. Kita ni *kalu* [kalau] dibandingkan dengan mereka\_ \_ \_ maknanya kita, kalau dengan sekitar kita sudah baik dibandingkan dengan Thailand dengan Filipina dan sebagainya. Tapi kalau bandingkan kita dengan England, kita ketinggalan lagi. Maknanya, kita perlu ubah sistem kita lebih ikut kesesuaian masa.

**WNIH : Apakah pendapat Pok Ku mengenai sekolah di bandar dan sekolah di luar bandar?**

TGTL : Sebenarnya di bandar dan luar sama *saja* [sahaja]. Cumanya bergantung kepada apa nama *ni* [ini] perangai pelajarlah *kalu* [kalau] di bandar ikut kaedah dan cara masyarakat di bandar lain sikit. *Kalu* [kalau] di kampung dia pelajaran dia sama *saja* [sahaja] tapi sebab dia *dok* [tinggal] di kampung ada sedikit berbeza dan bila keluar *saja* [sahaja] dari sekolah dia akan tengok kampung *tak* [tidak] tengok luar bandar, dimana *ni* [ini] yang jadi bezanya. Tapi sekiranya pelajaran sama *saja* [sahaja] tiada beza apa-apa. Tapi pada *sapa* [siapa] yang ada usaha *duk* [duduk] di mana sahaja dia akan capai kejayaan.

**WNIH : (berdehem) Sekarang, profession perguruan sering menghadapi tekanan tugas yang amat berat. Media sering memaparkan kisah mengenai segelintir guru yang merokok, guru yang tidak cergas, guru yang lepas tangan terhadap pelajar mereka malah ada yang mengenai kes rogol. Apakah pendapat Pok Ku mengenai perkara?**

TGTL : Ini dari segi manusia biasa. Yang mana pun guru juga manusia biasa. *Pas tu* [lepas itu] dalam diri guru ada segelintir manusia yang telah terlibat dengan perkara-perkara\_ \_ \_ tapi segelintir sahaja. Tapi, *loni* [sekarang ini] telah menjadi guru *ni* [ini] jadi topik satu anugerah yang hebat. *Meme* [memang] manusia biasa. *Meme* [memang] ada yang guru tapi dia tidak ada pendidikan

agama macam terjebak dengan dadah, dia rogol dah biasa sekarang *ni* [ini], kadang-kadang kita dengar pun takut.

**WNH : Selain itu, ada juga isu-isu mengenai guru dan pelajar yang sering bertelagah, bertengkar sehingga ada yang sanggup memukul guru mereka sendiri. Apakah pendapat Pok Ku mengenai isu ini?**

TGTL : Isu *ni* [ini] sebenarnya isu oleh pelajar. Pelajar *loni* [sekarang ini] dia sistem dia cara dia kaedah dan dia terpengaruh dengan benda luar sehingga dia tidak hormat pada cikgu dan lepas *tu* [itu] dia dalam satu masa *tu* [itu] dia kasar, melawan cikgu dan sebagainya, biasalah.

**WNH : Apakah komen Pok Ku terhadap ibu bapa yang turut campur tangan mengenai isu seperti ini?**

TGTL : Ini sebenarnya kesedaran ibu bapa terhadap pentingnya *didikan* [pendidikan] di sekolah terhadap para pelajar yang berbeza maknanya *kekadang* [kadang-kadang] ibu bapa lihat selapis cikgu dan anak dia, tapi *kalu* [kalau] sebenarnya *kalu* [kalau] tengok dari segi di sebalik *tu* [itu] maknanya apa kecintaan anak dia untuk kebaikan, *kalu* [kalau] fikir situ dia akan selamat la. Tapi setengah ibu bapa yang fikir selapis selalu itu yang akan berlaku bertentangan di antara ibu bapa dengan cikgu dan sebagainya sampai sekolah mana jadi \_\_\_ ini masa depan anak-anak dia. *Meme* [memang] dari situ akan jadi lebih baik.

**WNH : Okay [baiklah], dalam bidang pendidikan sekarang, disiplin pelajar adalah salah satu masalah utama. Apakah pendapat Pok Ku?**

TGTL : Dia *meme loni* [memang sekarang ini] masalah utama yang kita ada *pasal* [sebab] disiplin pelajar. Disiplin pelajar *ni* [ini] boleh berlaku, tidak seperti dahulu kerana itulah dari segi pengaruh-pengaruh luar yang semasa *ni* [ini] yang berlaku contohnya yang makan pil khayal atau pil kuda *ni* [ini] dia boleh berubah sikap manusia tetapi sekali naluri manusia. Dia jadi *agresif* [liar], *tak* [tidak] takut pada siapa, ada sifat melawan, *agresif* [liar] dia sanggup membunuh. *Pas tu* [lepas itu] yang sekarang *ni* [ini] kita amat takut *kalu* [kalau] dia *gi* [pergi], *kalu* [kalau] yang dulu *ni* [ini] takut lari dari rumah, tapi sekarang *ni* [ini] bukan setakat kes dia mencuri tapi *kalu* [kalau] kita terserempak dia akan membunuh *tu* [itu] yang bahaya yang hasil dari pil-pil kuda yang dimakan dibuat oleh masyarakat kita *loni* [sekarang ini] di Malaysia sekarang *ni kalu* [ini kalau] di sekolah kita bukan dengan setakat sikap *saja* [sahaja] yang amat takut lah.

**WNH : Adakah perbezaan mengenai pelajar zaman dahulu dan sekarang adalah sangat ketara?**

TGTL : *Meme* [memang] betul. Dulu lain sekarang lain. Beza sekarang *ni* [ini] kalau para pelajar *dulu* [dahulu] teralu takut pada guru dengar cakap cikgu dan hormat pada guru tapi sekarang *ni* [ini] jauh berbeza.

**WNH : Okay [baiklah], pada pendapat cikgu, adakah guru-guru pada zaman sekarang lebih beruntung kerana telah disediakan pelbagai kemudahan?**

**TGTL : Meme [memang] dari segi kemudahan cikgu loni [sekarang ini] banyak beza. Saya tengok dari segi apa nama ni [ini] pendapatan pun jauh berbeza. Dulunya hanya tiga ratus sepuluh ringgit [RM310] sahaja gaji sebulan. Tapi sekarang ni [ini] keluar sahaja sudah graduate [tamat belajar] gaji dah [sudah] beribu-ribu ke atas. Sememangnya jauh beza [berbeza] pas tu [lepas itu] dari segi pangkat pun cikgu sekarang ni [ini] ada cikgu yang gaji besar apa nama ni [ini] gaji sampai lima belas ribu sebulan [RM15000] gaji. Dulu tidak ada pas tu [lepas itu] sistem pendidikan kini lebih baik tu [itu] istimewanya cikgu.**

**WNH : Adakah Pok Ku bersetuju bahawa pelajar zaman sekarang lebih dimanjakan dengan pelbagai kemudahan sehingga lupa dan leka terhadap tanggungjawab sebagai seorang pelajar?**

**TGTL : Itu adalah sedikit sebanyak dari segi apa ni [ini] kemudahan yang ada loni [sekarang ini] pelajar kita terlalu manja, pengaruh dengan rakan semasa \_ \_ \_.**

**WNH : Apakah cikgu rasa kerjaya seorang guru pada zaman kini lebih mencabar pada zaman dahulu?**

**TGTL : Tapi sekarang ni [ini] cikgu lebih mencabar berbanding dengan dulu [dahulu]. Dulu [dahulu] kecabarannya adalah terhadap disiplin pelajar tidak seberapa banyak, tapi sekarang ni [ini] satu dari segi disiplin pelajar, dua segi tugas dan**



tanggungjawab. Cikgu sekarang sudah jadi masa dia dua puluh empat jam. *Dulu* [dahulu] separuh hari *saja* [sahaja] cikgu. Sekarang *ni* [ini] cikgu bukan setakat sahaja di sekolah *malah* [tetapi] dirumah pun bawak balik tugas dan kerja lain.

**WNH : Apakah kriteria yang perlu ada untuk bergelar sebagai ‘Tokoh Guru’?**

TGTL : Terpulung *ke* [pada] diri kita utama jiwa lah. Kita menjiwai sebagai guru. Kita sebagai guru yang betul minat dengan guru dan kita berkhidmat dengan sehabis baik sehingga kita capai kejayaan yang cemerlang dalam semua bidang, bukan sahaja dari segi pelajaran, pendidikan kita, tingkah laku kita, sifat kepimpinan kita kena ada *belako* [semua] lah dan kita dari segi jawatan kita, dari segi pergaulan kita, hubungan kita dengan masyarakat, hubungan kita dengan pemimpin, hubungan kita dengan jabatan-jabatan lain. Semua *tu* [itu] kita kena ada *belako* [semua] untuk menjadi tokoh.

**WNH : Pada pendapat Pok Ku adakah rasa anugerah ini patut diteruskan?**

TGTL : *Meme* [memang]. Anugerah tokoh tidak hanya bagi guru, apa-apa sahaja. Sebagai hadiah dan sebagai apa nama *ni* [ini] memberi perangsang semangat kepada kita dalam pekerjaan. Kita bagi pengiktirafan kepada guru tokoh guru kena teruskan. Sebagai kerjaya, katalah polis, ada polis terbaik maknanya ada bahagiannya. Kita bangga, rasa bersemangat, bagi polis cemerlang, dia akan ingat sampai bila-bila, dia akan lebih bersemangat lagi, buat segalanya\_ \_ \_

teruskanlah sampai bila-bila ini sebagai satu pengiktirafan. Kita tengah belajar kita bagi hadiah, sumbangan minggu *ni sapa* [ini siapa] dia pelajar terbaik dan bagi hadiah. Di sekolah menambahkan lagi semangat cikgu\_\_\_\_\_ Saya rasa ini patut diteruskanlah. *In sha Allah* [dengan diizinkan Allah].

**WNH : Apakah nasihat Pok Ku terhadap guru-guru sekarang?**

TGTL : Pada guru, saya nasihatkan bekerjalah sehabis baik, nawaitu kita, niat kita untuk bekerja mendidik pelajar dan apa nama *ni* [ini] memberi sumbangan secara ikhlas. *In sha Allah* [dengan diizinkan Allah], bukan setakat apa nama *ni* [ini] di balas atas dunia, *besok* [nanti] pun di akhirat Dia akan balas oleh kerana cikgu adalah satu apa nama *ni* [ini] amanah Allah. Jadi cikgu *ni* [ini] pahala *dah* [sudah]. Dimana kita jangan *mikir* [fikir] apa-apa lagi kita usaha, nawaitu kita untuk mengajar, mendidik dan yang penting *nak* [hendak] lihat anak murid kita berjaya. Itu *saja* [sahaja].

**WNH : Apakah harapan Pok Ku terhadap sistem pendidikan dan perguruan di Malaysia?**

TGTL : Saya berharaplah masyarakat kita sekarang *ni* [ini] sentiasa apa nama *ni* [ini] mengikuti perkembangan semasa, kita boleh buat perubahan, mengubah untuk peringkat semasa kepada tahap yang sama semoga sesuai dengan keadaan masa.

## TAMAT BAHAGIAN D

### BAHAGIAN E: BAHAGIAN SUMBANGAN

**WNH : Okay [baiklah], dari segi sumbangan pula, selepas pencen, bilakah Pok Ku mula melibatkan diri dalam Persatuan Bulan Sabit Merah Kelantan?**

**TGTL :** Saya *start* [mula] jadi guru, saya jadi Bulan Sabit Merah. Saya *start* [mula] sejak saya duduk di Biji Wangsa. Saya *start* [mula] jadi guru, saya pegang jadi Penasihat Bulan Sabit Merah sampai sekarang.

**WNH : Apakah jawatan Pok Ku yang dalam *PBSM* [Persatuan Bulan Sabit Merah]**

**TGTL :** Sekarang *ni* [ini] saya Naib Pengerusi Bulan Sabit Negeri Kelantan.

**WNH : Kenapa Pok Ku memilih *PBSM* [Persatuan Bulan Sabit Merah] dari persatuan-persatuan lain?**

**TGTL :** Saya minat pada Bulan Sabit Merah, saya sayang (ketawa) kerana dia ada kelebihan dia di samping kita menolong diri kita dari segi detik cemas, kita boleh tolong orang lain, jiwa kita *nak bantu* [hendak tolong] orang lain. Selain untuk diri kita dapat ilmu, kita boleh *bantu* [tolong] orang lain. Bukan hanya tolong orang setakat dari segi yang sakit-sakit, *dak* [tidak]. Dari segi minda, segi disiplin, *bantu* [tolong] orang banjir, macam-macam *pesen* [jenis] Bulan

Sabit *ni* [ini]. Termasuk membantu orang tsunami *ni* [ini], gempa bumi. Bukan di peringkat negeri, peringkat dunia pun boleh pergi sebenarnya. Itu yang saya minat dengan Bulan Sabit *ni* [ini] kerana sifatnya suka menolong orang.

**WNH :** **Selepas pencen, cikgu terlibat lagi *tak* [tidak] dengan sekolah-sekolah atau *PPD* [Pejabat Pelajaran Daerah]?**

TGTL : Saya (berdehem), lepas pencen saya *tak* [tidak] terlibat secara langsung lah. Mula-mula pencen dulu adalah sesetengah sekolah panggil saya untuk beri ceramah, saya pergilah beri ceramah beri semangat ke pelajar. Ada juga orang panggil, jemputan-jemputan tertentulah.

**WNH :** ***Okay* [baiklah], apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam *PBSM* *PBSM* [Persatuan Bulan Sabit Merah]?**

TGTL : Dalam *PBSM* [Persatuan Bulan Sabit Merah] banyak aktiviti.

**WNH :** **Antara salah satu, yang paling utama?**

TGTL : Dia *mace* [macam] kursus-kursus di peringkat-peringkat asas-asas pertolongan cemas di samping *tu* [itu] kita buat perkhemahan macam yang tadi *tu* [itu] mereka datang hendak bincang pasal perkhemahan peringkat Pasir Putih. Kemudian *ni* [ini] kita tengah usaha *nak* [hendak] buat satu kem latihan peringkat kebangsaan *nak* [hendak] buat di kem di Bachok dan kita mendapat

peruntukan daripada Bulan Sabit sedunia untuk buat kem seluruh Malaysia, kem Peringkat Kebangsaan. Kem *ni* [ini] maknanya hasil daripada permintaan dari Negeri Kelantan sendiri. *Puak-puak* [kumpulan] saya lah kita *mohon* [memohon] untuk mendapat peruntukan *nak* [hendak] buat kem bukan setakat di Kelantan tapi *disarankan* [dicadangkan] di peringkat Malaysia. Permohonan itu telah pun diluluskan cuma menunggu masa sahaja *nak* [hendak] buat dan dijangka siap tahun ini juga.

**WNH : Apakah anugerah yang pernah Pok Ku terima dalam persatuan *PBSM* [Persatuan Bulan Sabit Merah]?**

TGTL : Dia, anugerah-anugerah yang telah diberi oleh dibawah Duli Tuanku. *Misalnya* [contohnya] saya dapat hasil daripada pegang Bulan Sabit Merah *ni* [ini] saya telah mendapat lima enam bintang (bunyi helaian kertas). *Pas tu* [lepas itu], pingat perkhidmatan lama Bulan Sabit Merah di Malaysia. *Pingat Gangsa Terpuji* [PGT], *Pingat Ahli Kelantan* [PTK], *Pingat Ahli Kelantan Terpilih* [PAK], *Bintang Seri Mahkota Kelantan* [BSMK] *tu* [itu] gayanya boleh jadi ratu (ketawa). Bintang itu diberi oleh hasil saya pegang Bulan Sabit diberi oleh Sultan Kelantan.

**WNH : Apakah pandangan Pok Ku terhadap persatuan?**

TGTL : Persatuan Bulan Sabit bagi saya yang paling terbaik paling penting di Negeri Kelantan. *Pasal* [sebab] contoh, pengakap dia banyak setakat jadi ahli biasa

*saja* [sahaja] dia tidak ada pekerjaan lain, tapi kita Bulan Sabit luas. Sebarang bencana berlaku di Kelantan kita akan bantu *tak* [tidak] kira bencana apa kita akan turut serta (bunyi hon) tengok pada semasa bencana di negeri atau di negara kita bantu. Jadi *bagi* [pada] saya Bulan Sabit *ni* [ini] minat kita sebab kita boleh sukarela.

**WNH : Pada pandangan Pok Ku adakah anak-anak muda mada kini patut menyertai persatuan ini?**

TGTL : *Meme* [memang] saya sedang buat satu pengerusi untuk anak-anak muda dan sukarelawan untuk melatih mereka ini untuk membantu dan menolong masyarakat disambil dia boleh pahala kita juga dihargai oleh masyarakat. Kita boleh tolong orang, *bantu* [membantu] orang, *tu* [itu] yang kita *nak* [hendak] pada hari ini sebenarnya. Kita sedang melatih seluruh Negeri Kelantan supaya ramai berminat pada Bulan Sabit Merah, jiwa dia yang suka membantu.

**WNH : Sepanjang menyertai *PBSM* [Persatuan Bulan Sabit Merah] *ni* [ini] adakah Pok Ku pernah pergi misi keamanan untuk menolong?**

TGTL : Itu saya pernah pergi ke Jogjakarta, *South Africa* [Selatan Afrika] dan di Indonesia lah. Pergi ke Thailand semasa bencana pertukaran misi dalam Thailand.

**WNH :** *Okay* [baiklah], *setakat* [sampai] disini *saja* [sahaja] baiklah, terima kasih yang tidak terhingga kepada Pok Ku kerana sudi ditemubual oleh kami mengenai pengalaman yang sangat berharga yang tidak dapat dijual beli. Kami amat menghargai budi baik Pok Ku dengan ini kami sediakan sedikit cenderahati daripada kami dan pihak *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Machang.

# **SENARAI SOALAN**



## Senarai Soalan

1. Apakah nama penuh Pok Ku?
2. Bilakah Pok Ku dilahirkan?
3. Berapa umur Pok Ku sekarang?
4. Dimanakah Pok Ku dilahirkan?
5. Siapakah yang tinggal bersama Pok Ku sekarang?
6. Apakah nama penuh isteri Pok Ku?
7. Pada tahun berapakah Pok Ku dan isteri berkahwin?
8. Bolehkah Pok Ku beritahu nama ibu dan ayah Pok Ku?
9. Maaf bertanya, adakah ibu dan ayah Pok Ku masih hidup?
10. Ibu dan ayah Pok Ku berasal dari mana?
11. Adakah mereka berasal dari kampung itu sejak dari awal?
12. Sebelum ini apakah pekerjaan ibu dan ayah Pok Ku?
13. Berapakah bilangan adik beradik Pok Ku?
14. Pok Ku anak yang keberapa?
15. Bolehkah Pok Ku ceritakan lebih lanjut mengenai adik beradik Pok Ku?
16. Adakah masing-masing tinggal di sekitar ini?
17. Berapa pula bilangan anak Pok Ku?
18. Berapa lelaki dan berapa perempuan?
19. Adakah semua sudah berumah tangga?

20. Dimanakah mereka semua tinggal?
21. Berapakah bilangan cucu Pok Ku?
22. Bolehkan Pok Ku ceritakan mengenai kehidupan Pok Ku di zaman Kanak-kanak?
23. Apakah permainan yang sering Pok Ku main di zaman kanak-kanak?
24. Semasa kecil dulu apakah cita-cita Pok Ku?
25. Apakah cita-cita Pok Ku semasa lapang?
26. Dimanakah Pok Ku mendapat pendidikan di awal persekolahan dulu?
27. Kemudian ke mana Pok Ku meneruskan pendidikan?
28. Apakah matapelajaran kegemaran Pok Ku ketika di sekolah?
29. Apakah pencapaian Pok Ku ketika di sekolah?
30. Adakah Pok Ku aktif dengan kegiatan ko-kurikulum semasa di sekolah dahulu?
31. Bagaimanakah kemudahan pengajaran dan pembelajaran ketika Pok Ku bersekolah dulu?
32. Kenangan manis yang tidak dapat dilupakan semasa di sekolah dahulu?
33. Bagaimanakah hubungan antara guru dan pelajar pada ketika itu?
34. Di manakah Pok Ku mendapat latihan perguruan?
35. Apakah kelulusan minimum untuk menjadi seorang guru?
36. Bagaimana keadaan pembelajaran ketika itu?
37. Pengalaman yang tidak dapat dilupakan ketika itu?
38. Pada tahun berapakah Pok Ku mula menjadi seorang guru?
39. Apakah faktor yang mendorong Pok Ku untuk menceburi bidang perguruan?

40. Di manakah sekolah pertama Pok Ku mengajar?
41. Dalam anggaran berapakah pelajar ketika itu?
42. Berapa pula anggaran guru yang mengajar ketika itu?
43. Bilangan guru lelaki ataupun perempuan yang lebih ramai?
44. Adakah bilangan pelajar makin bertambah dari tahun ke tahun?
45. Apakah antara matapelajaran yang ada ketika itu?
46. Apakah matapelajaran wajib yang diambil?
47. Pada ketika itu, apakah jenis sistem peperiksaan yang telah wujud?
48. Apakah antara sebab utama ibu bapa tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah?
49. Adakah kemiskinan juga menjadi antara punca utama?
50. Bagaimana rasa ketika mula-mula mengajar?
51. Bolehkah Pok Ku ceritakan keadaan ketika Pok Ku mula-mula mengajar dulu?
52. Bagaimana pula mengenai sistem pendidikan pada ketika itu?
53. Apakah matapelajaran yang diajar ketika di sekolah tersebut?
54. Bagaimanakah penerimaan pelajar terhadap mata pelajaran tersebut pada ketika itu?
55. Bagaimana tahap penglibatan ko-kurikulum pada ketika itu?
56. Di antara pelajar lelaki dan perempuan, golongan manakah yang Pok Ku lebih mudah mengajar?
57. Selepas mengajar di sekolah tersebut, adakah Pok Ku berpindah ke sekolah lain?
58. Jika ya, kemana?
59. Berapakah buah sekolah yang telah Pok Ku mengajar sebelum pencen?

60. Di antara sekolah-sekolah tersebut, sekolah manakah yang memberi impak yang besar terhadap Pok Ku?
61. Apakah prinsip dan matlamat Pok Ku ketika mengajar?
62. Adakah Pok Ku berpuas hati dengan perkhidmatan Pok Ku pada ketika itu?
63. Apakah perasaan Pok Ku apabila melihat pelajar-pelajar Pok Ku berjaya?
64. Adakah jumlah pelajar boleh mempengaruhi pencapaian akademik di sesebuah sekolah?
65. Bolehkah Pok Ku ceritakan antara jenis hukuman kepada pelajar terhadap kesalahan pada zaman dahulu?
66. Sepanjang cikgu mengajar, pernahkah cikgu mengenakan hukuman rotan kepada pelajar?
67. Jika ya. Apakah antara kesalahan pelajar tersebut?
68. Bagaimanakah masalah disiplin pada masa dulu dikawal?
69. Apakah tindakan para pelajar tersebut terhadap tindakan yang dikenakan?
70. Apakah pendapat Pok Ku tentang sistem pendidikan zaman sekarang?
71. Bagaimana pula pendapat Pok Ku mengenai sistem disiplin pelajar pada masa kini?
72. Jika kita lihat, prestasi pelajar perempuan adalah lebih baik dari pelajar lelaki, apakah pendapat Pok Ku mengenai perkara tersebut?
73. Pada pendapat Pok Ku apakah kegiatan ko-kurikulum yang penting pada pelajar pada ketika itu?
74. Pada pendapat Pok Ku dimanakah letaknya kualiti seorang guru?
75. Hubungan antara guru dan ibu bapa adalah penting untuk menjamin mutu pendidikan anak-anak mereka. Apakah pendapat Pok Ku mengenai perkara ini?

76. Sekarang wujudnya persatuan ibu bapa dan guru bagi menghubungkan guru dan ibubapa. Adakah wujud persatuan seperti itu ketika zaman dahulu?
77. Apakah Pok Ku pernah menjawat sebarang jawatan penting ketika bergelar seorang guru?
78. Bolehkah ceritakan pengalaman dan sumbangan sepanjang terlibat dalam bidang perguruan?
79. Apakah anugerah-anugerah yang Pok Ku pernah terima?
80. Sudah berapa lama Pok Ku berhenti mengajar?
81. Pada umur berapakah Pok Ku berhenti mengajar?
82. Apakah yang Pok Ku lakukan setelah berhenti mengajar?
83. Adakah Pok Ku pernah terlibat dalam mana-mana aktiviti kemasyarakatan?
84. Adakah ketika mengajar dahulu Pok Ku pernah dihantar ke mana-mana program dan kursus?
85. Apakah erti perkataan 'guru' bagi pandangan Pok Ku?
86. Siapakah tokoh yang paling Pok Ku kagumi?
87. Bolehkah Pok Ku ceritakan serba sedikit mengenai tokoh tersebut?
88. Mengapa beliau menjadi pilihan Pok Ku sebagai tokoh yang dikagumi?
89. Mengenai pelajaran pada masa kini. Adakah yang perlu dipertingkatkan?
90. Apakah pendapat Pok Ku mengenai sekolah di Bandar dan sekolah di luar Bandar ?
91. Profession perguruan sering menghadapi tekanan tugas yang amat berat. Media sering memaparkan kisah mengenai segelintir guru yang merokok, guru yang tidak cergas, guru yang sering lepas tangan terhadap pelajar mereka malah ada mengenai kes rogol. Apakah pendapat Pok Ku mengenai perkara ini?

92. Dimanakah salahnya sehingga terjadi perkara sebegitu?
93. Selain itu, ada juga isu-isu mengenai guru dan pelajar yang sering bertelagah, sehingga ada yang sanggup memukul guru mereka sendiri. Apakah pendapat Pok Ku mengenai isu ini?
94. Apakah komen Pok Ku terhadap ibu bapa yang turut campur tangan mengenai isu seperti ini?
95. Dalam bidang pendidikan sekarang, disiplin pelajar adalah salah satu masalah utama. Apakah pendapat Pok Ku?
96. Adakah perbezaan mengenai pelajar zaman dahulu dan sekarang adalah sangat ketara?
97. Pada pendapat Pok Ku, adakah guru-guru pada zaman sekarang lebih beruntung kerana telah disediakan pelbagai kemudahan?
98. Adakah Pok Ku bersetuju bahawa pelajar zaman sekarang lebih dimanjakan dengan pelbagai kemudahan sehingga lupa dan leka terhadap tanggungjawab sebagai seorang pelajar?
99. Apakah Pok Ku rasa kerjaya seorang guru pada zaman kini lebih mencabar pada zaman dahulu?
100. Apakah kriteria yang perlu ada untuk bergelar 'Tokoh Guru'?
101. Adakah Pok Ku rasa anugerah ini patut diteruskan?
102. Jika ya. Mengapa ia patut diteruskan?
103. Jadi, adakah Pok Ku rasa anugerah-anugerah kepada guru perlu diperbanyakkan lagi supaya guru-guru yang layak dapat menerima anugerah tersebut?
104. Apakah nasihat Pok Ku terhadap guru-guru sekarang?
105. Akhir sekali, apakah harapan Pok Ku terhadap sistem pendidikan dan perguruan di Malaysia?

106. Selepas pencen, bilakah Pok Ku mula melibatkan diri dalam Persatuan Bulan Sabit Merah Kelantan?
107. Apakah jawatan Pok Ku yang dalam PBSM ?
108. Kenapa Pok Ku memilih PBSM dari persatuan-persatuan lain?
109. Selepas pencen, cikgu terlibat lagi tak dengan sekolah-sekolah atau PPD ?
110. Apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam PBSM?
111. Antara salah satu, yang paling utama?
112. Apakah anugerah yang pernah Pok Ku terima dalam persatuan PBSM?
113. Apakah pandangan Pok Ku terhadap persatuan?
114. Pada pandangan Pok Ku adakah anak-anak muda mada kini patut menyertai persatuan ini?
115. Sepanjang menyertai PBSM ni adakah Pok Ku pernah pergi misi keamanan untuk menolong?

# **LOG TEMUBUAL**



Wan Norhafizah Binti Wan Seman menemubual Haji Tuan Ghazali Bin Tuan Long mengenai kerjaya beliau dalam bidang perguruan. Temubual dijalankan di pejabat Haji Tuan Ghazali Bin Tuan Long sendiri beralamat Rumah Amal Tg Muhd Faris Petra, Jln Mahmood, 15200 Kota Bharu, Kelantan mengenai pengalaman beliau sebagai seorang guru yang berkhidmat selama 34 tahun.

#### **BAHAGIAN A- BAHAGIAN LATAR BELAKANG**

<b>MASA</b>	<b>PERKARA YANG DIBINCANGKAN</b>	<b>NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK</b>
2:28	Latar belakang Tokoh	1) Kampung Tasek, Pasir Puteh, Kelantan. 2) Tuan Habshah Binti Tuan Haji Daud 3) Tuan Long Bin Tuan Ngah 4) Tuan Ismail Bin Tuan Long
12:30	Pengalaman hidup semasa zaman kanak-kanak	1) Sekolah Menengah Bukit Jawa 2) Sekolah Menengah Kamil

#### **BAHAGIAN B- BAHAGIAN PENDIDIKAN**

<b>MASA</b>	<b>PERKARA YANG DIBINCANGKAN</b>	<b>NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK</b>
17:08	Latar Belakang pendidikan	1) Sekolah Kebangsaan Pasir Pauh 2) Sekolah Menengah Bukit Jawa 3) Sekolah Menengah Kamil 4) Sekolah Menengah Ismail Petra Kota Bharu

		5) Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Baru
--	--	--

### BAHAGIAN C- BAHAGIAN KERJAYA

32:02	Pengalaman semasa mengajar	1) Sekolah Menengah Dato' Biji Wangsa 2) Sekolah Menengah Geting 3) Sekolah Menengah Cabang Empat 4) Sekolah Menengah Tumpat 5) Sekolah Pengkalan Kubor
-------	----------------------------	---

### BAHAGIAN D- BAHAGIAN PENCAPAIAN

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT YANG DIRUJUK
1:16:59	Jawatan penting ketika bergelar seorang guru	1) Guru disiplin 2) Kaunselor sekolah, Kelantan
1:17:21	Pengalaman dan sumbangan sepanjang terlibat dalam bidang perguruan	1) Pengkursus 2) Fasilitator Biro Tatanegara Malaysia 3) Fasilitator untuk para pelajar yang balik daripada Amerika
1:18:27	Anugerah-anugerah yang pernah diterima	1) Guru matematik 2) Bahasa melayu

		<ul style="list-style-type: none"> <li>3) Jurulatih bola sepak, Kelantan</li> <li>4) Pengerusi Silat Terlak Empat di Tumpat</li> <li>5) Guru penasihat Bulan Sabit Merah</li> <li>6) Guru penasihat Pasir Mas Tumpat</li> <li>7) PPD [Pejabat Pelajaran Daerah] Kelantan.</li> <li>8) Pengerusi sawang Pasir Mas, Tumpat</li> <li>9) AJK [Ahli Jawatan Kampung] perkhemahan dalam negeri, Kelantan.</li> <li>10) Guru Cemerlang kokurikulum sekolah rendah lelaki peringkat kebangsaan Malaysia.</li> </ul>
1:27:15	Terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>1) Rukun tetangga</li> <li>2) Pengerusi PIBG [Persatuan Ibu Bapa dan Guru]</li> <li>3) Pengerusi lembaga panel penasihat klinik jajahan Tumpat, Kelantan</li> </ul>
1:28:23	Dihantar ke program dan kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>1) Tsunami di Indonesia, Jakarta, Aceh</li> <li>2) Jabatan gempa bumi</li> <li>3) Thailand</li> <li>4) Pengakap kelana</li> <li>5) Belajar pertanian, Thailand</li> </ul>
1:39:33	Kriteria yang perlu ada untuk bergelar sebagai 'Tokoh Guru'	<ul style="list-style-type: none"> <li>6) Berkhidmat dengan sehabis baik sehingga kita capai kejayaan yang cemerlang</li> </ul>

		7) Jaga hubungan sesama insan, pemimpin dan Allah S.W.T.
1:40:30	Nasihat terhadap guru-guru sekarang	1) Bekerja sehabis baik 2) Tetap nawaitu

# INDEKS

---

## A

A · 73  
Abdul Aziz · 68  
Acheh · 44, 71  
Afrika · 28, 56  
*agresif* · 48  
ahli penyajak · 12  
ahli syarahan · 12  
*aircond* · 30  
Alam Shah · 12, 16  
Allah Subhanahu wa taa'la · 29  
Amerika · 39, 45, 70  
anugerah · 63, 65  
Anugerah · 3  
Ar Rahnū · 43  
*asuh* · 37

---

## B

badminton · 25  
Batu Pahat · 21  
bidang perguruan · 61, 63  
Bintang Seri Mahkota Kelantan · 55  
*boxing* · 19  
Bulan Sabit Merah · 10, 36, 40, 42, 43, 52, 53, 54, 55, 56, 65, 70

---

## C

*career* · 36  
*certain* · 37  
cikgu · 8, 10, 14, 23, 28, 30, 31, 32, 34, 35, 36, 37, 39, 47, 49, 50, 51, 53, 62, 65

---

## D

dadah · 34, 47  
Disiplin · 35, 48  
Dr. Mahathir · 45  
Duli Tuanku · 55

---

## E

**Encik Haji Tuan Ghazali** · 2  
*engineer* · 7

England · 45  
*exercise* · 41

---

## F

fasilitator · 39

---

## G

*grade* · 15, 16, 18  
guru · 60, 61, 63, 64, 65  
Guru Besar · 29, 30  
guru penampar jepun · 27

---

## H

harapan · 65  
*homework* · 33  
hukuman · 62

---

## I

ibu bapa · 61, 63, 64  
In sha Allah · 7, 51  
Indonesia · 44, 56, 71

---

## J

Jaafar bin Muhammad Amin · 2  
Jabatan Gempa Bumi · 44  
*jammed* · 15  
Jepun · 71  
johan jajahan · 13  
Johor Bharu · 11, 18, 20, 21, 22, 69  
*just* · 27

---

## K

Kadet Polis · 9  
Kadet Tentera · 9, 10, 12  
kaunselor · 39  
Kelab lawak · 9  
Kelantan · 3, 10, 19, 28, 30, 39, 40, 52, 53, 54, 55, 56, 65, 67, 68, 70, 71  
Ketua Kontinjen · 40  
kontraktor · 41

Kota Bharu · 11, 41, 67, 68  
Kota Kinabalu · 39  
kriteria · 65  
Kuala Lumpur · 20, 28, 39  
kualiti · 63  
Kuching · 39

---

## L

ladam · 17

---

## M

Maghrib · 41  
Maktab Perguruan Tanjung Malim · 71  
Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim · 11, 18, 21, 69  
Malaysia · 15, 16, 18, 20, 24, 28, 30, 39, 40, 48, 52, 54,  
55, 65, 70, 71  
masjid · 41  
Master · 6, 16, 17  
Mat Zain · 28  
Menengah Kamil, Pasir Puteh · 4, 8  
mengajar · 61, 62, 63, 64, 69, 72

---

## O

online · 7, 35

---

## P

Pasir Mas · 29, 40, 68, 70, 71  
Pasir Putih · 54  
pass · 10, 28  
Pejabat Pelajaran Daerah · 40, 53, 71  
pelajar · 60, 61, 62, 63, 64, 65  
pendidikan · 60, 61, 63, 64, 65, 68, 71  
Pengerusi Juvana · 43  
Pengerusi Silat Teriak Empat · 70  
Penolong Kanan · 16, 29  
perkhidmatan · 62  
pidato · 12, 13  
pil khayal · 48  
Pingat Ahli Kelantan · 55  
Pingat Gangsa Terpuji · 55  
Profession · 64

---

## R

rogol · 46, 47, 64

round · 31

---

## S

SA John · 14, 15, 17  
Saing · 42  
saraf · 28  
Sarawak · 39  
scrambler · 20  
Sekolah Kebangsaan Berangan · 29  
Sekolah Kebangsaan Mekasar · 29, 30  
Sekolah Kebangsaan Pasir Pauh · 11, 68  
Sekolah Menengah Bukit Jawa · 8, 11, 68  
Sekolah Menengah Dato' Biji Wangsa · 11, 22, 23, 69  
Sekolah Menengah Ismail Petra · 11, 13, 16, 68  
Sekolah Menengah Kamil · 4, 8, 11, 14, 68  
sembahyang · 41  
Silat Teriak Empat · 18, 20, 21, 40  
Singapura · 20  
SMK Tumpat · 3  
SPM · 14, 16, 18, 28  
stright · 9  
Sultan Kelantan · 55  
sumbangan · 63  
Sungai Besi · 10

---

## T

taekwando · 19  
Tahfiz Sains · 8  
Tanah Melayu · 70  
tokol · 32  
top student · 9, 11  
top ten · 12  
tsunami · 44, 53  
Tuan Habshah Binti Haji Tuan Daud · 3  
Tumpat · 3, 4, 7, 8, 10, 11, 22, 23, 24, 29, 30, 40, 43, 69,  
70, 71

---

## U

UIA · 6, 8  
UiTM · 8, 57

---

## W

wakil rakyat · 10  
Wan Hassan, · 17

# **RUJUKAN**



(Tuan Ghazali Bin Tuan Long, Bidang Perguruan:Sebelum dan Selepas Merdeka , April 04 , 2014).

*Perguruan Sebagai Satu Profesion. Bincangkan.* (n.d.). Retrieved from <http://tuanmat.tripod.com/perguruan.html>

# LAMPIRAN



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan *Tuan Ghazali Bin Tuan Long* Pada *10 April 2014*

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat:  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh).  
Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisaj (Tokoh)

Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.



Gambar 1: Sesi temubual bersama Encik Haji Tuan Ghazali Tuan Long



Gambar 2: Sesi penyampaian cenderahati



Gambar 3: Sijil Penghargaan Tokoh Guru Kelantan 2010